

ISI KANDUNGAN:

<u>Peraturan</u>	<u>Halaman</u>
Peraturan 1. Nama dan Pejabat yang berdaftar.	3
Peraturan 2. Tujuan.	3
Peraturan 3. Ahli Kesatuan.	6
Peraturan 4. Yuran dan Tunggakan.	7
Peraturan 5. Permohonan untuk Berhenti Menjadi Ahli.	8
Peraturan 6. Hak Ahli.	8
Peraturan 7. Kewajipan dan Tanggungjawab Ahli-Ahli.	8
Peraturan 8. Perlembagaan dan Pentadbiran.	9
Peraturan 9. Persidangan Perwakilan Tritahunan. (508/5/2013(1) 09.01.2013)	9
Peraturan 10. Persidangan Perwakilan Luarbiasa.	11
Peraturan 11. Pegawai dan Kakitangan.	12
Peraturan 12. Majlis Jawatankuasa Agung.	13
Peraturan 13. Kewajipan Pegawai-Pegawai Kanan Kesatuan.	17
Peraturan 14. Pelantikan Pemegang Amanah.	19
Peraturan 15. Pelantikan Juruaudit Dalam.	19
Peraturan 16. Pelantikan Juruaudit Luar.	20
Peraturan 17. Pelantikan Jemaah Pemeriksa-Pemeriksa Undi.	20
Peraturan 18. Pelantikan Penasihat Undang-undang.	21
Peraturan 19. Penasihat Kehormat.	21
Peraturan 20. Gaji dan Bayaran-Bayaran lain.	21

Peraturan 21. Kewangan dan Kira-kira.	22
Peraturan 22. Pemeriksaan Buku-Buku dan Kira-Kira.	25
Peraturan 23. Yuran Khas/Kutipan Khas.	25
Peraturan 24. Pertikaian Perusahaan.	26
Peraturan 25. Kegiatan Pendidikan.	27
Peraturan 26. Peraturan-Peraturan dan Pindaan Peraturan-Peraturan.	28
Peraturan 27. Undi Sulit.	28
Peraturan 28. Pelantikan Jemaah Penimbangtara.	29
Peraturan 29. Pertikaian Dalam Kesatuan.	29
Peraturan 30. Pembubaran.	30
Peraturan 31. Penubuhan dan Pembubaran Cawangan.	31
Peraturan 32. Jawatankuasa Cawangan.	32
Peraturan 33. Kewajipan Pegawai-Pegawai Cawangan.	33
Peraturan 34. Mesyuarat Agung Cawangan.	34
Peraturan 35. Mesyuarat Agung Luarbiasa Cawangan.	36
Peraturan 36. Pelantikan Jemaah Pemeriksa-Pemeriksa Undi Cawangan.	36
Peraturan 37. Wang dan Kira-Kira Cawangan.	37
Peraturan 38. Juruaudit Dalam Cawangan.	38
<u>KEMBARAN : ATURCARA MENJALANKAN UNDI SULIT.</u>	39-46
PERATURAN TAMBAHAN TABUNG KEBAJIKAN KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT (KGMMB).	48-54

PERATURAN-PERATURAN DAN PERLEMBAGAAN KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT (KGMMB).

Peraturan 1. Nama dan Pejabat yang berdaftar.

- (1) Nama kesatuan yang telah ditubuhkan menurut peraturan-peraturan ini ialah Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (yang disebut “Kesatuan” di dalam ini).
- (2) Pejabat KGMMB ini didaftarkan di No. 720 Tingkat 3, Jalan Sentul, 51000 Kuala Lumpur. Tempat mesyuaratnya di pejabat berdaftar atau di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Majlis Jawatankuasa Agung.

Peraturan 2. Tujuan.

- (1) Tujuan Kesatuan ini ialah untuk:
 - (a) Menjadikan sebagai ahli Kesatuan semua pekerja yang disebut di bawah Peraturan 3(1) dan memajukan kepentingan mereka dalam bidang pendidikan teknikal, perhubungan perusahaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan ilmu pengetahuan.
 - (b) Mengatur perhubungan di antara pekerja dengan majikan bagi maksud keberkesanan pengurusan pengajaran dan pembelajaran, melaksanakan perhubungan perusahaan yang baik, meningkatkan daya pengeluaran dan memperolehi serta mengekalkan bagi ahli-ahlinya sukatan gaji yang adil dan sesuai, syarat-syarat pekerjaan yang berpatutan dan keselamatan pekerjaan.
 - (c) Mengatur perhubungan di antara ahli dengan ahli atau di antara ahli dengan lain-lain pekerja atau di antara ahli dengan pegawai Kesatuan atau di antara pegawai Kesatuan dengan pekerja atau di antara pegawai Kesatuan dengan pegawai Kesatuan dan menyelesaikan sebarang perselisihan atau pertikaian di antara mereka itu dengan cara aman dan bermuafakat atau melalui jentera penimbangtara menurut kehendak Peraturan 28 dan 29.
 - (d) Memajukan kebajikan ahli-ahli Kesatuan dari segi sosial, ekonomi dan pendidikan menurut undang-undang.
 - (e) Memberi bantuan guaman kepada ahli-ahli berhubung dengan pekerjaan mereka jika dipersetujui oleh Majlis Jawatankuasa Agung.
 - (f) Memberi bantuan kepada ahli-ahli jika dipersetujui oleh Majlis Jawatankuasa Agung seperti pembiayaan di masa teraniaya atau di masa pertikaian kerja.

- (g) Menganjurkan dan mengendalikan kursus, dialog, seminar dan sebagainya untuk kebajikan ahli-ahli kesatuan khasnya dan para pekerja amnya.
 - (h) Mengendalikan jika dipersetujui oleh Mesyuarat Agung urusan mengarang, mencetak, menerbit dan mengedarkan sebarang suratkhbar, majalah, surat berita atau penerbitan lain untuk menjayakan tujuan-tujuan Kesatuan ini atau untuk memajukan kepentingan-kepentingan ahli-ahli Kesatuan.
 - (i) Menubuhkan kumpulan wang kebajikan jika dipersetujui oleh Mesyuarat Agung dan menggubalkan peraturan-peraturan tambahan untuk mentadbir dan mengawal kumpulan wang itu.
 - (j) Secara amnya melaksanakan sebarang tujuan kesatuan sekerja yang sah di sisi undang-undang.
- (2) Tujuan-tujuan ini hendaklah dilaksanakan menurut peraturan-peraturan ini, Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan undang-undang bertulis yang lain yang ada berkaitan.

Peraturan 3. Ahli Kesatuan.

- (1) Keanggotaan Kesatuan ini terbuka kepada semua guru Melayu yang berkhidmat di Sekolah-Sekolah Kerajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Maktab-Maktab Perguruan dan Kementerian Pengajian Tinggi kecuali mereka yang digaji dalam jawatan sulit atau keselamatan. Mereka itu hendaklah berumur lebih dari 16 tahun dan mempunyai tempat kerjanya di Semenanjung Malaysia dengan syarat seseorang yang masih diberi pelajaran menurut Akta Pelajaran 1961, tidak boleh menjadi ahli kecuali jika sekiranya ia:-
- (508/8/2024(1)-(5) 02.04.2024)
- (a) Sebenarnya seseorang pekerja menurut takrif Akta Kesatuan Sekerja 1959; dan
 - (b) Berumur lebih dari 18 tahun;
- (2) Seseorang ahli kesatuan yang belum berumur 18 tahun tidak berhak mengundi atas perkara-perkara tersebut di bawah ini:
- (a) pemogokan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya;
 - (b) mengenakan kutipan khas;
 - (c) pembubaran kesatuan atau sebarang Persekutuan Kesatuan Sekerja yang Kesatuan ini menjadi anggotanya; dan

- (d) pindaan peraturan-peraturan Kesatuan jika pindaan itu akan menambah beban tanggungan ahli-ahli untuk mencarum atau mengurangkan faedah-faedah yang dinikmatinya.
- (3) Seseorang ahli Kesatuan yang belum mencapai umur 21 tahun tidak boleh menjadi Pegawai atau Pemegang Amanah Kesatuan.
- (4) Permohonan untuk menjadi ahli hendaklah dilakukan dengan mengisi borang yang ditentukan oleh Kesatuan dan menyampaikannya kepada Setiausaha Agung. Setiausaha Agung hendaklah menyampaikan permohonan itu kepada Majlis Jawatankuasa Agung untuk kelulusan. Majlis Jawatankuasa Agung boleh menolak sebarang permohonan untuk menjadi ahli mengikut budibicaranya tanpa memberi sebarang alasan.
- (5) Apabila permohonan seseorang itu diluluskan oleh Majlis Jawatankuasa Agung dan yuran bulanan yang pertama telah dijelaskan maka namanya hendaklah didaftarkan dalam Daftar Ahli/Yuran sebagai ahli.
- (6) Seseorang yang diterima masuk menjadi ahli dan kemudian berhenti daripada pekerjaannya seperti ditentukan dalam peruntukan Peraturan 3(1) akan dengan sendirinya terhenti dari menjadi ahli kesatuan. Namanya hendaklah dikeluarkan dari Daftar Ahli/Yuran, tertakluk pada peruntukan di bawah Peraturan Tambahan Tabung Kebajikan (jika ada).
- (7) Setiap ahli hendaklah diberikan senaskah buku peraturan-peraturan kesatuan dengan percuma apabila diterima sebagai ahli.

Peraturan 4. Yuran dan Tunggakan.

- (1) Yuran Kesatuan adalah seperti berikut:

(i)	Yuran Bulanan	RM 6.00
(ii)	Yuran Tabungan Kebajikan	RM 10.00
		(508/4/2011(1)-(3) 21.04.2011)
		(508/6/2018(1) 03.09.2018)

Yuran Tabung Kebajikan hendaklah dipindahkan ke dalam tabung berkenaan tidak lewat dari hari yang ke empat belas pada bulan berikutnya. Sebarang kenaikan yuran hendaklah diputuskan dengan undi sulit menurut Peraturan 27.

- (2) Yuran bulanan hendaklah dijelaskan sebelum tujuh haribulan pada tiap-tiap bulan. Sebanyak dua ringgit daripada yuran bulanan tiap-tiap ahli itu akan disimpan di cawangan untuk urusan cawangan manakala sebanyak empat ringgit lagi untuk Ibu Pejabat.

(508/4/2011(1)-(3) 21.04.2011)

- (3) Seseorang ahli yang terhutang yurannya selama tiga bulan akan dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli Kesatuan. Haknya di dalam Kesatuan akan hilang dan namanya hendaklah dipotong dari Daftar Ahli/Yuran.
- (4) Seseorang yang terhenti dari menjadi ahli kerana tunggakan yuran boleh memohon menjadi ahli semula menurut Peraturan 3(4).
- (5) Majlis Jawatankuasa Agung berkuasa menetapkan kadar bayaran yuran bulanan yang kurang atau mengecualikan buat sementara waktu kepada ahli-ahli daripada membayar yuran bulanan atau sebarang kutipan atau yuran khas (jika ada):-
 - (a) jika mereka jatuh sakit teruk atau ditimpa kesusahan yang berat;
 - (b) jika mereka dibuang kerja, diberhentikan atau diketepikan dan masih menunggu keputusan sesuatu perundingan atau perbicaraan mengenai pembuangan kerja, pemberhentian atau pengenehan itu; atau
 - (c) kerana sebarang sebab lain yang difikirkan mustahak dan wajar oleh Majlis Jawatankuasa Agung.

Peraturan 5. Permohonan untuk Berhenti Menjadi Ahli.

- (1) Ahli yang ingin berhenti dari menjadi ahli Kesatuan hendaklah memberi notis sekurang-kurangnya seminggu dengan bersurat kepada Setiausaha Agung dan hendaklah menjelaskan terlebih dahulu semua tunggakan yuran dan hutang.
- (2) Sebarang notis yang memenuhi kehendak tersebut hendaklah diluluskan oleh Majlis Jawatankuasa Agung dan nama orang yang berkenaan hendaklah dipotong dari Daftar Ahli/Yuran.

Peraturan 6. Hak Ahli.

Semua ahli Kesatuan mempunyai hak yang sama dalam Kesatuan kecuali dalam perkara-perkara tertentu yang dinyatakan di dalam peraturan-peraturan ini.

Peraturan 7. Kewajipan dan Tanggungjawab Ahli-Ahli.

- (1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap ahli menjelaskan yurannya dengan tepat pada masa dan mendapatkan resit rasmi/penyata bagi pembayaran itu. Pembayaran yuran bulanan dalam tempoh masa yang ditetapkan menjadi tanggungjawab ahli-ahli dan bukanlah tanggungjawab pegawai-pegawai Kesatuan.

- (2) Adalah menjadi kewajiban tiap-tiap ahli untuk memberitahu Setiausaha Agung dengan segera apabila berpindah tempat tinggal atau bertukar tempat kerja.
- (3) Seseorang ahli yang menghadiri mesyuarat Kesatuan atau menggunakan pejabat/rumah Kesatuan hendaklah berkelakuan baik, jika tidak ia akan diarah keluar oleh seorang pegawai Kesatuan yang bertanggungjawab.
- (4) Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sebarang dokumen atau surat pekeliling mengenai Kesatuan melainkan dokumen atau surat pekeliling itu telah diluluskan oleh Majlis Jawatankuasa Agung. Seseorang ahli juga tidak boleh mendedahkan kegiatan-kegiatan atau hal ehwal Kesatuan kepada orang yang bukan ahli atau kepada lain-lain pertubuhan atau pihak akhbar tanpa mendapat izin Majlis Jawatankuasa Agung.
- (5) Seseorang ahli tidak dibenarkan menjadi ahli sebarang kesatuan sekerja yang lain kecuali dengan izin Majlis Jawatankuasa Agung.

Peraturan 8. Perlembagaan dan Pentadbiran.

- (1) Kuasa yang tertinggi sekali dalam Kesatuan terletak kepada Persidangan Perwakilan melainkan kuasa mengenai perkara-perkara yang keputusannya wajib diambil melalui undi sulit menurut Peraturan 27.
- (2) Tertakluk kepada syarat tersebut di atas Kesatuan hendaklah ditadbirkan oleh Majlis Jawatankuasa Agung dan Cawangan-cawangannya oleh Jawatankuasa Cawangan.

Peraturan 9. Persidangan Perwakilan Tritahunan. (508/5/2013(1) 09.01.2013)

- (1) Persidangan Perwakilan Tritahunan Kesatuan ini hendaklah diadakan seberapa segera selepas 30 Jun dan tidak lewat dari 31 Oktober pada tiap-tiap tiga tahun. Tarikh, masa dan tempat persidangan hendaklah ditetapkan oleh Majlis Jawatankuasa Agung.
- (2) Persidangan Perwakilan Tritahunan itu hendaklah dihadiri oleh wakil-wakil Cawangan dan ahli-ahli Majlis Jawatankuasa Agung.
- (3) Wakil-wakil Cawangan hendaklah dipilih oleh semua ahli berhak di cawangan masing-masing pada tiap-tiap tiga tahun dengan undi sulit dalam Mesyuarat Agung Tritahunan cawangan masing-masing. Tiap-tiap cawangan berhak memilih dua orang wakil bagi 100 orang ahli yang pertama atau sebahagian daripadanya, dan seorang wakil lagi bagi tiap-tiap 100 orang ahli lebih daripada 100 ahli yang pertama itu. Tiap-tiap satu cawangan berhak menghantar tidak lebih daripada 10 orang wakil sahaja. "Ahli" di sini bermakna ahli yang berhak mengundi pada masa pengundian wakil-wakil itu dijalankan.

- (4) Ahli-ahli Majlis Jawatankuasa Agung tidak boleh dipilih menjadi wakil.
- (5) Hanya wakil-wakil sahaja yang boleh mengundi di dalam Persidangan Perwakilan. Pengerusi Persidangan Perwakilan boleh memberi undi pemutus kecuali perkara-perkara di bawah Peraturan 27. Persidangan itu boleh mengadakan Aturan Tetap untuk mengawal perjalanan mesyuarat bagi semua Persidangan Perwakilan dan cara-cara mengundi dalam persidangan-persidangan itu.
- (6) Notis permulaan bagi Persidangan Perwakilan Tritahunan yang menyatakan tarikh, masa dan tempat persidangan dan permintaan usul-usul (termasuk usul pindaan peraturan), penamaan calon-calon bagi menganggotai Majlis Jawatankuasa Agung dan wakil-wakil, hendaklah dihantar oleh Setiausaha Agung kepada semua Setiausaha Cawangan sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh persidangan.
- (7) Tiap-tiap Setiausaha Cawangan hendaklah menghantar kepada Setiausaha Agung sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Persidangan Perwakilan butir-butir mengenai wakil-wakil cawangan masing-masing. Ahli-Ahli Jawatankuasa bagi Majlis Jawatankuasa Agung, nama-nama calon bagi Pegawai-Pegawai Kanan dan juga usul-usul (jika ada) untuk dibincangkan di dalam persidangan. Semua pencalonan hendaklah dibuat di atas borang yang disediakan oleh Kesatuan dan mengandungi butir-butir yang berikut: Nama jawatan yang ditandingi, Nama calon, Nombor Ahli, Nombor Kad Pengenalan, Umur, Alamat, Pekerjaan dan Nombor Sijil Kerakyatannya/tafah kerakyatan dan tempoh bekerja dalam pekerjaan atau ketukangan seperti yang ditentukan di bawah Peraturan 3(1). Sesuatu pencalonan itu tidak sah kecuali:- (a) ia ditandatangani oleh seorang pencadang dan seorang penyokong yang merupakan ahli-ahli berhak dan (b) ia mengandungi persetujuan calon yang hendak bertanding itu secara bertulis.
- (8) Setiausaha Agung hendaklah menghantar kepada semua Setiausaha Cawangan sekurang-kurangnya 10 hari sebelum tarikh persidangan sesuatu agenda yang mengandungi usul-usul untuk perbincangan, penyata tahunan dan penyata kewangan (jika ada), serta kertas-kertas undi sulit dengan secukupnya menurut kembaran kepada peraturan-peraturan ini untuk pemilihan anggota Majlis Jawatankuasa Agung atau perkara-perkara yang akan diputuskan dengan undi sulit. Setiausaha cawangan hendaklah mengedarkan kertas-kertas undi itu dengan sampulnya kepada ahli-ahli cawangan yang berhak mengundi.
- (9) Cukup kuorum mesyuarat jika wakil-wakil yang hadir, dengan tidak kira bilangan orangnya, mewakili lebih daripada setengah dari jumlah bilangan cawangan-cawangan kesatuan.
- (10) Jika sekiranya satu jam kemudian daripada masa yang ditentukan itu bilangan wakil yang hadir (atau kuorum) tidak mencukupi maka persidangan itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lewat dari 21 hari kemudian) yang akan ditetapkan oleh Majlis Jawatankuasa Agung.

- (11) Dalam persidangan yang ditangguhkan itu jika tidak juga didapati kuorumnya pada masa yang ditentukan maka wakil-wakil yang hadir berkuasa menjalankan Persidangan itu akan tetapi tidak berkuasa meminda peraturan-peraturan Kesatuan.
- (12) Urusan Persidangan Perwakilan Tritahunan antara lain-lain ialah:-
- (a) menerima dan meluluskan penyata-penyata daripada Setiausaha Agung Kesatuan, Bendahari Agung Kesatuan dan Majlis Jawatankuasa Agung Kesatuan,
 - (b) membincang dan memutuskan sebarang perkara atau usul mengenai kebajikan ahli-ahli dan kemajuan Kesatuan;
 - (c) melantik:-
 - i) Pemegang Amanah, jika perlu;
 - ii) Ahli Jemaah Penimbangtara, jika perlu;
 - iii) Juruaudit Dalam;
 - iv) Pemeriksa Undi;
 - v) Penasihat Undang-undang; dan
 - vi) Penasihat Kehormat.
 - (d) meluluskan pelantikan pegawai atau pekerja sepenuh masa Kesatuan sekiranya perlu dan menetapkan skil gaji mereka serta syarat-syarat pekerjaannya;
 - (e) membincang dan memutuskan perkara-perkara lain yang terkandung di dalam agenda; dan
 - (f) menerima penyata Pemeriksa Undi berkenaan dengan pemilihan Ahli-ahli Majlis Jawatankuasa Agung.
- (13) Setiausaha Agung hendaklah menyampaikan kepada semua Setiausaha Cawangan satu salinan rangka minit Persidangan Perwakilan Tritahunan dalam tempoh tidak melebihi 30 hari sesudah sahaja selesai persidangan itu.

Peraturan 10. Persidangan Perwakilan Luarbiasa.

- (1) Persidangan Perwakilan Luarbiasa hendaklah diadakan:-
- (a) apabila difikirkan mustahak oleh majlis Jawatankuasa Kerja; atau
 - (b) apabila menerima permintaan bersama yang bertulis dari dua atau lebih Jawatankuasa Cawangan yang mewakili sekurang-kurangnya satu perempat daripada jumlah ahli-ahli Kesatuan dengan menyatakan tujuan-tujuan dan sebab-sebab persidangan itu perlu diadakan.

- (2) Persidangan Perwakilan Luarbiasa yang diminta oleh cawangan itu hendaklah diadakan oleh Setiausaha Agung dalam tempoh 30 hari dari tarikh permintaan itu diterima.
- (3) Notis dan agenda bagi Persidangan Perwakilan Luarbiasa hendaklah disampaikan oleh Setiausaha Agung kepada semua Setiausaha Cawangan sekurang-kurangnya 10 hari sebelum tarikh persidangan.
- (4) Peruntukan-peruntukan Peraturan 9 berkenaan dengan ahli-ahli persidangan, kuorum dan penangguhan Persidangan Perwakilan Tritahunan adalah juga terpakai bagi Persidangan Perwakilan Luarbiasa. Akan tetapi dalam Persidangan Perwakilan Luarbiasa yang diminta oleh cawangan, jika persidangan itu ditangguhkan kerana kuorum tidak cukup maka dalam persidangan yang diadakan sesudah ditangguhkan itu, jika satu jam kemudian dari masa yang ditentukan kuorumnya masih tidak juga cukup maka Persidangan itu hendaklah dibatalkan. Persidangan tidak boleh diadakan untuk perkara yang sama sehingga selepas enam bulan dari tarikh persidangan itu dibatalkan.
- (5) Setiausaha Agung hendaklah menyampaikan kepada semua Perwakilan satu salinan rangka minit Persidangan Perwakilan Luarbiasa dalam tempoh tidak lebih 30 hari sesudah sahaja selesai persidangan itu.
- (6) Jika sesuatu Persidangan Perwakilan Tritahunan tidak dapat diadakan dalam masa yang ditentukan mengikut Peraturan 9, maka Persidangan Perwakilan Luarbiasa bolehlah diataskan supaya menjalankan tugas-tugas yang biasanya dijalankan oleh Persidangan Perwakilan Tritahunan dengan syarat Persidangan Perwakilan Luarbiasa yang demikian mestilah diadakan sebelum 31 Disember dalam tahun yang berkenaan.

Peraturan 11. Pegawai dan Kakitangan.

- (1) Erti Pegawai Kesatuan ialah seseorang yang menjadi ahli Majlis Jawatankuasa Agung atau ahli Jawatankuasa Kesatuan tetapi tidak termasuk Juruaudit Dalam.
- (2) Seseorang itu tidak boleh dipilih atau bertugas sebagai Pegawai Kesatuan sekiranya orang itu:-
 - (a) bukan ahli Kesatuan;
 - (b) belum cukup umur 21 tahun;
 - (c) bukan Warganegara Malaysia;

- (d) pernah menjadi ahli eksekutif mana-mana kesatuan yang pendaftarannya telah dibatalkan di bawah seksyen kecil (1) (b) (iv), (v) atau (vi) seksyen 15, Akta Kesatuan Sekerja 1959 atau Enakmen yang telah dimansuhkan oleh Akta itu;
 - (e) pernah disabitkan kesalahannya oleh Mahkamah kerana pecah amanah, pemerasan atau mengugut atau kerana melakukan sebarang kesalahan lain yang pada pendapat Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja tidak melayakkannya menjadi pegawai sesebuah kesatuan sekerja;
 - (f) seseorang pemegang jawatan (office-bearer) atau pekerja sesebuah parti politik; atau
 - (g) seorang yang masih bankrap.
- (3) Tertakluk kepada kelulusan Persidangan Perwakilan, Majlis Jawatankuasa Agung berkuasa menggaji mana-mana pekerja Kesatuan sepenuh masa yang difikirkannya perlu. Dengan syarat seseorang pekerja kesatuan itu, selain daripada orang-orang yang tersebut di dalam "proviso" kepada seksyen 29(1), Akta Kesatuan Sekerja 1959, tidak boleh menjadi Pegawai Kesatuan (melainkan ianya dikecualikan di bawah Seksyen 30 Akta Kesatuan Sekerja 1959) atau bertugas dengan demikian rupa hingga urusan hal ehwal Kesatuan itu nampaknya dalam kawalannya.
- (4) Seseorang itu tidak boleh digaji sebagai pekerja Kesatuan jika:-
- (a) ia bukan warganegara Malaysia;
 - (b) ia telah disabitkan kesalahannya oleh sesebuah Mahkamah kerana melakukan suatu kesalahan jenayah dan belum lagi mendapat pengampunan bagi kesalahan tersebut dan kesalahan itu pada pendapat Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja tidak melayakkannya digaji oleh sesebuah kesatuan sekerja;
 - (c) ia adalah seorang pegawai atau pekerja sesebuah kesatuan sekerja yang lain; atau
 - (d) ia adalah seorang pemegang jawatan (office-bearer) atau pekerja sesebuah parti politik.

Peraturan 12. Majlis Jawatankuasa Agung.

- (1) Majlis Jawatankuasa Agung adalah menjadi badan yang menjalankan pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Kesatuan termasuk hal pertikaian kerja dalam masa di antara Persidangan Perwakilan Tritahunan.

(2) Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah mengandungi:-

- | | | | |
|------|--|---|-----------------------------|
| 2.1 | Seorang Presiden |) | yang akan dinamakan |
| | |) | "Pegawai Kanan |
| 2.2 | Seorang Timbalan Presiden |) | Kesatuan" dan hendak- |
| | |) | lah dipilih tiap-tiap tiga |
| 2.3 | Seorang Naib Presiden I |) | tahun sekali dengan undi |
| | |) | sulit oleh semua ahli |
| 2.4 | Seorang Naib Presiden II |) | berhak tertakluk pada |
| | |) | perbekalan di bawah ini |
| 2.5 | Seorang Naib Presiden III |) | |
| 2.6 | Seorang Setiausaha Agung |) | |
| 2.7 | Seorang Penolong Setiausaha Agung I |) | |
| 2.8 | Seorang Penolong Setiausaha Agung II |) | |
| 2.9 | Seorang Penolong Setiausaha Agung III |) | |
| 2.10 | Seorang Bendahari Agung |) | |
| 2.11 | Seorang Penolong Bendahari Agung I |) | |
| 2.12 | Seorang Penolong Bendahari Agung II |) | dan |
| | seorang Ahli Jawatankuasa dari tiap-tiap |) | Yang hendaklah dipilih |
| | Cawangan |) | mengikut susunan berikut : |
| | |) | Setiausaha, |
| | |) | Pengerusi, |
| | |) | Naib Pengerusi, |
| | |) | Penolong Setiausaha, |
| | |) | Bendahari Cawangan |
| | |) | atau ahli-ahli Jawatankuasa |
| | |) | Cawangan. |
| | |) | Seseorang Pegawai Kanan |
| | |) | Kesatuan tidak dibenarkan |
| | |) | memegang jawatan ini. |

(508/4/2011(1)-(3) 21.04.2011)

(508/5/2013(1) 09.01.2013)

(3) Sekiranya seseorang calon bagi sesuatu jawatan tidak ditandingi; dan pencalonannya telah dilaksanakan menurut cara yang ditentukan di dalam Peraturan 9(7) maka dia hendaklah dianggap dengan serta merta telah dipilih dan namanya akan diasingkan dari kertas undi untuk pemilihan pegawai-pegawai.

- (4) Ahli-ahli Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah memegang jawatan dari satu Persidangan Perwakilan Tritahunan ke satu Persidangan Perwakilan Tritahunan yang lain.
- (5) Jika sekiranya dalam pada satu Persidangan Perwakilan Luarbiasa suatu usul "tidak percaya" terhadap Majlis Jawatankuasa Agung telah diluluskan oleh dua pertiga suara teramai maka Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah dengan serta merta bertugas sebagai pengurus sementara dan dalam tempoh sebulan setelah Persidangan Perwakilan Luarbiasa itu ia hendaklah mengadakan pemilihan semula ahli-ahli Majlis Jawatankuasa Agung. Mereka yang dipilih dengan cara ini hendaklah memegang jawatan sehingga Persidangan Perwakilan Tritahunan yang akan datang.
- (6) Apabila sahaja berlaku pertukaran Pegawai-pegawai, Pegawai-pegawai atau Majlis Jawatankuasa Agung yang bakal meninggalkan jawatan hendaklah menyerahkan kepada Pegawai-pegawai atau Majlis Jawatankuasa Agung yang bakal memegang jawatan segala rekod-rekod berhubung dengan jawatannya dalam masa satu minggu.
- (7) Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya enam bulan sekali dan cukup kuorum mesyuarat apabila hadir setengah daripada jumlah bilangan ahlinya. Minit-minit mesyuarat Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah disahkan di dalam mesyuarat-mesyuarat biasanya.
- (8) Mesyuarat Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah diadakan oleh Setiausaha Agung atas arahan atau persetujuan Presiden. Notis dan agenda mesyuarat hendaklah diberi kepada semua ahli Majlis Jawatankuasa Agung sekurang-kurangnya lima hari sebelum mesyuarat. Permohonan dari ahli-ahli Majlis Jawatankuasa Agung supaya diadakan mesyuarat Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah dibuat dengan bersurat dan dikemukakan kepada Setiausaha Agung.
- (9) Apabila berlaku sesuatu perkara yang berkehendakkan keputusan serta-merta oleh Majlis Jawatankuasa Agung atau wakil-wakil dan tidak dapat diadakan Mesyuarat tergepar berkenaan bagi maksud ini maka keputusan itu bolehlah diperolehi melalui surat pekeliling. Setiausaha Agung dengan persetujuan Presiden hendaklah mengedarkan surat pekeliling berkenaan. Syarat-syarat yang tersebut di bawah ini hendaklah disempurnakan sebelum perkara itu boleh dianggap sebagai telah diputuskan oleh Majlis Jawatankuasa Agung atau wakil-wakil:-
 - (a) perkara dan tindakan yang dicadangkan itu hendaklah dinyatakan dengan jelas dan salinan surat pekeliling itu disampaikan kepada semua ahli Majlis Jawatankuasa Agung atau wakil;
 - (b) Sekurang-kurangnya setengah daripada jumlah ahli Majlis Jawatankuasa Agung atau setengah daripada wakil-wakil, mana-mana yang berkenaan, hendaklah menyatakan secara bertulis sama ada mereka itu bersetuju atau tidak dengan cadangan yang tersebut itu; dan

- (c) Suara yang terbanyak dari mereka yang menyatakan pendapatnya adalah menjadi keputusan.
- (10) Keputusan yang didapati melalui surat pekeliling itu hendaklah dilaporkan kepada mesyuarat Majlis Jawatankuasa Agung atau Persidangan Perwakilan yang akan datang oleh Setiausaha Agung dan dicatatkannya di dalam minit mesyuarat itu.
- (11) Ahli Majlis Jawatankuasa Agung yang tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tidak lagi berhak menyandang jawatannya melainkan jika ia dapat memberi alasan yang memuaskan kepada Majlis Jawatankuasa Agung.
- (12) Apabila meninggal dunia, berhenti atau terlucut hak mana-mana pegawai kesatuan maka calon yang mendapat undi yang terke bawah sedikit bagi jawatan berkenaan dalam masa undian yang lalu hendaklah dijemput untuk memenuhi tempat yang kosong itu dengan syarat bahawa bagi jawatan Presiden, Timbalan Presiden, Naib-naib Presiden, Setiausaha Agung, Penolong-penolong Setiausaha Agung, Bendahari Agung, Penolong Bendahari Agung I atau Penolong Bendahari Agung II di peringkat Ibu Pejabat atau bagi jawatan Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha atau Bendahari di peringkat cawangan, calon tersebut hendaklah mendapat tidak kurang dari 1/4 jumlah undi yang telah dibuang bagi jawatan itu. Sekiranya calon itu tidak ada atau ianya enggan menerima jawatan itu, Majlis Jawatankuasa Agung atau Jawatankuasa Cawangan berkuasa melantik seorang ahli yang layak untuk mengisi tempat kosong itu. Setiausaha Agung hendaklah menghantar Notis pemberitahu kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja mengenai perubahan Pegawai itu.
- (13) Majlis Jawatankuasa Agung boleh menggunakan sebarang kuasa dan menjalankan apa-apa kerja yang difikirkan perlu bagi mencapai tujuan-tujuan Kesatuan dan untuk memajukan kepentingan Kesatuan dengan mematuhi peraturan-peraturan Kesatuan ini dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959.
- (14) Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah mengawal wang-wang Kesatuan supaya tidak dibelanjakan dengan boros atau disalahgunakan. Ianya hendaklah mengarahkan Setiausaha Agung atau pegawai-pegawai yang lain untuk mendakwa di Mahkamah seseorang pegawai, pekerja ataupun ahli Kesatuan kerana menyalahgunakan atau mengambil secara tidak sah wang atau harta Kesatuan.
- (15) Majlis Jawatankuasa Agung akan mengarah Setiausaha Agung atau pegawai-pegawai yang lain supaya menguruskan kerja-kerja Kesatuan. Tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam Peraturan 11(3) Majlis Jawatankuasa Agung boleh menggaji mana-mana pegawai atau pekerja sepenuh masa yang difikirkan mustahak atas kadar gaji dan syarat-syarat pekerjaan yang diluluskan oleh Persidangan Perwakilan. Pegawai-pegawai atau pekerja Kesatuan boleh digantung kerja atau diberhentikan oleh Majlis Jawatankuasa Agung kerana kelalaian, tidak

amanah, tidak layak atau enggan menjalankan keputusan-keputusannya atau kerana sebab-sebab lain yang difikirkan munasabah dan untuk keselamatan Kesatuan.

- (16) Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah memberi arahan kepada Pemegang-pemegang Amanah berkenaan dengan penamaan modal dengan wang Kesatuan.
- (17) Majlis Jawatankuasa Agung boleh menggantung atau memecat keahlian atau melarang dari memegang jawatan seseorang ahli, jika didapati bersalah kerana cuba hendak merosakkan Kesatuan atau melakukan perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan Kesatuan atau membuat atau melibatkan diri dengan sebarang perbuatan mencela, mengeji atau mencerca Kesatuan, pegawai-pegawai atau dasar Kesatuan. Sebelum seseorang ahli itu dipecat keahliannya ia hendaklah diberi peluang untuk memberi alasan mengapa ia tidak sepatutnya dipecat. Sesuatu perintah penggantungan, pemecatan atau larangan hendaklah bertulis dan menyatakan dengan jelas bentuk dan alasan mengenai penggantungan, pemecatan atau larangan tersebut. Perintah itu hendaklah juga menyatakan terpuh ianya berkuatkuasa dan syarat-syarat yang membolehkan ia ditarik balik.
- (18) Ahli-ahli yang telah digantung faedahnya, dipecat atau dilarang dari memegang jawatan adalah berhak merujukkan pertikaian berkenaan melalui Majlis Jawatankuasa Agung untuk diselesaikan oleh penimbangtara-penimbangtara di bawah Peraturan 28 dan 29 atau merayu terus kepada Persidangan Perwakilan dan keputusan Persidangan Perwakilan itu adalah muktamad.
- (19) Dalam masa di antara Persidangan Perwakilan Tritahunan, Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah mentafsirkan peraturan-peraturan Kesatuan dan apabila perlu akan memutuskan perkara-perkara yang tidak dinyatakan di dalam peraturan-peraturan ini.
- (20) Kecuali keputusan-keputusan yang berkehendakkan undi sulit, keputusan-keputusan Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah dipatuhi oleh semua ahli/Cawangan Kesatuan melainkan ianya dibatalkan oleh suatu ketetapan yang dibuat di dalam Persidangan Perwakilan.

Peraturan 13. Kewajipan Pegawai-Pegawai Kanan Kesatuan.

- (1) Presiden dalam masa menyandang jawatannya hendaklah menjadi Pengerusi semua Persidangan Perwakilan dan semua mesyuarat Majlis Jawatankuasa Agung dan hendaklah bertanggungjawab tentang ketenteraman dan kesempurnaan mesyuarat-mesyuarat itu. Dia mempunyai undi pemutus dalam isu-isu pada masa mesyuarat. Kuasa pemutus ini tidak termasuk perkara-perkara yang melibatkan undi sulit. Dia hendaklah menandatangani segala cek bagi pihak Kesatuan bersama-sama dengan Setiausaha Agung dan Bendahari Agung dan hendaklah mengawasi pentadbiran dan perjalanan Kesatuan dan juga hendaklah berikhtiar supaya peraturan-peraturan ini dipenuhi oleh semua yang berkenaan.

- (2) Timbalan Presiden hendaklah menggantikan Presiden dan memegang kuasanya di masa ia tidak hadir.
- (3) Naib Presiden I, II & III hendaklah membantu Presiden dalam urusan Kesatuan. Naib Presiden I hendaklah menggantikan Timbalan Presiden pada masa ketiadaannya.
- (4) Setiausaha Agung hendaklah mengelolakan kerja-kerja kesatuan mengikut peraturan-peraturan ini dan menjalankan perintah-perintah Persidangan Perwakilan dan Majlis Jawatankuasa Agung. Dia hendaklah mengawasi kerja-kerja kakitangan Kesatuan dan bertanggungjawab tentang surat menyurat, menyimpan buku-buku, surat-surat keterangan dan kertas-kertas kesatuannya dengan cara dan aturan yang diarahkan oleh Majlis Jawatankuasa Agung. Dia hendaklah menghadiri semua mesyuarat dan menulis minit-minit mesyuarat itu. Dia hendaklah juga menyediakan laporan untuk Persidangan Perwakilan Tahunan, penyata-penyata tahunan dan lain-lain surat keterangan yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja dan hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja dalam masa yang ditentukan. Dia hendaklah menyimpan dan mengemaskini suatu daftar ahli/yuran yang mengandungi nama-nama ahli, alamat ahli, nombor ahli, nombor kad pengenalan, umur dan tarikh mereka itu menjadi ahli Kesatuan. Dia hendaklah menandatangani segala cek bagi pihak Kesatuan bersama-sama dengan Presiden dan Bendahari Agung.
- (5) Penolong-Penolong Setiausaha Agung I, II dan III hendaklah membantu Setiausaha Agung dalam urusan pentadbiran Kesatuan. Penolong Setiausaha Agung I hendaklah mengganti Setiausaha Agung pada masa ketiadaannya. Penolong-Penolong Setiausaha Agung hendaklah juga menjalankan tugas-tugas mereka sebagaimana diarah oleh Majlis Jawatankuasa Agung.
- (6) Bendahari Agung hendaklah bertanggungjawab dalam urusan penerimaan dan pembayaran wang bagi pihak Kesatuan dan urusan menyimpan dan catatan di buku-buku kewangan sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan-peraturan Kesatuan Sekerja 1959. Dia hendaklah mengeluarkan resit rasmi bagi tiap-tiap wang yang diterimanya. Dia hendaklah bertanggungjawab tentang keselamatan simpanan buku-buku kewangan dan surat-surat keterangan yang berkenaan di Ibu Pejabat. Buku-buku dan surat-surat keterangan ini tidak boleh dikeluarkan dari tempat rasminya tanpa kebenaran yang bertulis daripada Presiden pada tiap-tiap kali ia hendak dikeluarkan. Dia hendaklah menyediakan penyata kewangan bagi tiap-tiap mesyuarat Majlis Jawatankuasa Agung dan bagi Persidangan Perwakilan. Dia hendaklah menandatangani segala cek bagi pihak Kesatuan bersama-sama dengan Presiden dan Setiausaha Agung.
- (7) Penolong Bendahari Agung I dan Penolong Bendahari II hendaklah membantu Bendahari Agung dalam urusan kewangan Kesatuan. Beliau hendaklah menggantikan Bendahari Agung pada masa ketiadaannya dan menjalankan tugas-tugas sebagaimana diarahkan oleh Majlis Jawatankuasa Agung.

Peraturan 14. Pelantikan Pemegang Amanah.

- (1) Tiga orang Pemegang Amanah yang umurnya tidak kurang daripada 21 tahun dan bukan Setiausaha Agung atau Bendahari Agung Kesatuan hendaklah dilantik/dipilih di dalam Persidangan Perwakilan yang pertama. Mereka akan menyandang jawatan itu selama yang disukai oleh Kesatuan. Sebarang harta (tanah, bangunan, pelaburan dan lain-lain) yang dimiliki oleh Kesatuan hendaklah diserahkan kepada mereka untuk diuruskan sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis Jawatankuasa Agung.
- (2) Pemegang Amanah tidak boleh menjual, menarik balik, mencagar atau memindah milik sebarang harta Kesatuan tanpa persetujuan dan kuasa daripada Majlis Jawatankuasa Agung yang diberi dengan bertulis oleh Setiausaha Agung dan Bendahari Agung.
- (3) Seseorang Pemegang Amanah boleh dilucutkan jawatannya oleh Majlis Jawatankuasa Agung kerana tidak sihat, tidak sempurna fikiran, tidak bermastautin di dalam negeri atau kerana sebarang sebab lain yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau tidak dapat menyempurnakan tugasnya dengan memuaskan. Jika seseorang Pemegang Amanah itu meninggal dunia, berhenti atau diberhentikan di antara dua Persidangan Perwakilan Tritahunan maka kekosongan itu hendaklah diisi oleh mana-mana ahli yang layak yang dilantik oleh Majlis Jawatankuasa Agung dan disahkan dalam Persidangan Perwakilan yang berikut.
- (4) Persidangan Perwakilan boleh melantik sebuah syarikat Pemegang Amanah seperti yang diterangkan di dalam Akta Syarikat Amanah 1949 (Trust Companies Act 1949) atau undang-undang lain yang bertulis yang mengawal syarikat-syarikat pemegang amanah di Malaysia, untuk menjadi Pemegang Amanah yang tunggal bagi Kesatuan ini. Jika syarikat Pemegang Amanah seperti yang tersebut itu dilantik maka rujukan 'Pemegang Amanah' di dalam peraturan ini hendaklah difahamkan sebagai Syarikat Pemegang Amanah yang dilantik.
- (5) Butir-butir mengenai Pemegang Amanah atau apa-apa pertukaran mengenainya hendaklah dihantar kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja untuk pendaftaran dalam 14 hari selepas pelantikan/pemilihan atau pertukaran berkenaan. Pelantikan/pemilihan atau pertukaran ini tidak boleh dikuatkuasakan sehingga didaftarkan oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja.
- (6) Kesatuan boleh membeli, memiliki, menggadai dan menjual Hartanah/Harta Tak Alih (*immovable property*). Kesatuan melantik Presiden, Timbalan Presiden dan mana-mana Naib Presiden (Pemegang Amanah) bagi menandatangani apa-apa instrumen, dokumen, surat cara yang berkenaan dengan pindah milik, gadaian dan lain-lain bagi pihak Kesatuan dan diikuti dengan "*Common Seal*" bagi mewakili kesatuan dalam transaksi jual beli, pindah milik, gadaian dan apa-apa transaksi yang melibatkan hal yang berkaitan dengan Pejabat Tanah.

(508/7/2019(1))

Peraturan 15. Pelantikan Juruaudit Dalam.

- (1) Dua orang Juruaudit Dalam yang bukan menjadi ahli Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah dilantik secara angkat tangan dalam Persidangan Perwakilan Tritahunan. Mereka hendaklah memeriksa kira-kira Kesatuan pada penghujung tiap-tiap tiga bulan dan menyampaikan laporannya kepada Majlis Jawatankuasa Agung.
- (2) Buku-buku dan kira-kira Kesatuan hendaklah diaudit oleh kedua-dua Juruaudit bersama-sama dan mereka itu berhak melihat semua buku-buku dan surat-surat keterangan yang perlu untuk menyempurnakan tugas mereka.
- (3) Seseorang ahli Kesatuan bolehlah mengadu dengan bersurat kepada Juruaudit Dalam mengenai sebarang hal kewangan yang tidak betul yang telah sampai kepada pengetahuannya.
- (4) Apabila berlaku kekosongan Juruaudit Dalam di antara dua Persidangan Perwakilan Tritahunan kekosongan ini bolehlah diisikan dengan cara lantikan oleh Majlis Jawatankuasa Agung sehingga Persidangan Perwakilan berikut.

Peraturan 16. Pelantikan Juruaudit Luar.

- (1) Kesatuan hendaklah melantik seorang Juruaudit Luar bertauliah tiap-tiap tahun dan seterusnya memperolehi kelulusan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja bagi pelantikan ini. Juruaudit ini hendaklah seorang Akauntan yang telah memperolehi kebenaran bertulis daripada Menteri Kewangan untuk mengaudit kira-kira syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat. Kira-kira Kesatuan tidak boleh diaudit oleh Juruaudit Luar yang sama selama tiga tahun berturut-turut kecuali dengan kelulusan Majlis Jawatankuasa Agung.
- (2) Kira-kira Kesatuan yang diaudit hendaklah diakui benar oleh Bendahari Agung dengan surat sumpah.
- (3) Kira-kira Kesatuan hendaklah diaudit dengan segera selepas sahaja ditutup tahun kewangan kesatuan pada 31 Mac dan hendaklah selesai sebelum 31 Ogos tiap-tiap tahun.
- (4) Kira-kira yang diaudit itu dan laporan Juruaudit Luar hendaklah dibentangkan untuk kelulusan di dalam Persidangan Perwakilan dan satu salinan Penyata hendaklah dihantar kepada tiap-tiap wakil sebelum Persidangan itu.
- (5) Penyata kira-kira kesatuan yang diaudit hendaklah dihantar kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja berserta dengan Borang N sebelum 1 Oktober tiap-tiap tahun.

Peraturan 17. Pelantikan Jemaah Pemeriksa-Pemeriksa Undi.

- (1) Suatu jemaah Pemeriksa Undi yang terdiri daripada lima orang ahli hendaklah dipilih secara angkat tangan di dalam Persidangan Perwakilan. Mereka hendaklah terdiri daripada ahli-ahli biasa dan bukan seorang pegawai atau calon bagi pemilihan pegawai-pegawai kesatuan. Seboleh-bolehnya ahli yang dipilih ini hendaklah ahli-ahli yang tinggal di sekitar kawasan Ibu Pejabat Kesatuan.
- (2) Pemeriksa-pemeriksa undi akan berkhidmat dari suatu Persidangan Perwakilan Tritahunan ke Persidangan Perwakilan Tritahunan yang berikut. Apabila berlaku apa-apa kekosongan di antara dua persidangan, kekosongan ini hendaklah diisikan dengan cara lantikan oleh Majlis Jawatankuasa Agung.

Peraturan 18. Pelantikan Penasihat Undang-Undang.

- (1) Kesatuan hendaklah melantik seorang penasihat undang-undang yang terdiri daripada seorang Peguam yang berdaftar.

Peraturan 19. Penasihat Kehormat.

- (1) Kesatuan hendaklah melantik seorang Penasihat Kehormat dari kalangan bekas Ahli Jawatankuasa Agung.
- (2) Penasihat Kehormat boleh menjalankan tugasnya sehingga bila-bila masa kecuali kerana sebab yang boleh menghalang ia daripada menjalankan tugasnya. Jika seseorang Penasihat Kehormat itu meninggal dunia atau berhenti di antara dua Persidangan Perwakilan Tritahunan, maka kekosongan itu hendaklah diisi oleh mana-mana bekas Ahli Jawatankuasa Agung yang dilantik oleh Mesyuarat Jawatankuasa Agung dan disahkan oleh Persidangan Perwakilan Tritahunan yang akan datang.

Peraturan 20. Gaji dan Bayaran-bayaran lain.

- (1) Skim gaji bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang bekerja sepenuh masa dengan Kesatuan hendaklah ditetapkan atau diluluskan oleh Persidangan Perwakilan.
- (2) Pegawai-pegawai Kesatuan yang dikehendaki berkhidmat separuh masa bagi pihak Kesatuan bolehlah diberi bayaran saguhati. Persidangan Perwakilan atau Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah menetapkan jumlah pembayaran saguhati.
- (3) Pegawai-pegawai atau wakil-wakil Kesatuan bolehlah diberi bayaran kerana hilang masa kerjanya dan kerana telah membuat perbelanjaan yang berpatutan bagi menjalankan kerja-kerja Kesatuan jika diluluskan oleh Persidangan Perwakilan atau

Majlis Jawatankuasa Agung. Suatu keterangan perbelanjaan yang beralaskan resit atau lain-lain keterangan pembayaran hendaklah disahkan oleh Majlis Jawatankuasa Agung. Had maksima yang boleh dibayar hendaklah ditentukan dari semasa ke semasa oleh Persidangan Perwakilan atau Majlis Jawatankuasa Agung dan Majlis Jawatankuasa Agung tidak boleh mengesahkan sebarang bayaran yang melebihi had yang telah ditentukan oleh Persidangan Perwakilan atau Majlis Jawatankuasa Agung.

Peraturan 21. Kewangan dan Kira-kira.

- (1) Wang Kesatuan bolehlah dibiayai bagi perkara-perkara yang tersebut di bawah ini:-
 - (a) Bayaran gaji, bayaran elaun dan perbelanjaan kepada pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja kesatuan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Peraturan 20.
 - (b) Bayaran dan perbelanjaan pentadbiran Kesatuan termasuk bayaran audit kira-kira kesatuan.
 - (c) Bayaran urusan pendakwaan atau pembelaan dalam perbicaraan perundangan mengenai sesuatu hal berhubung dengan kesatuan atau seseorang ahli Kesatuan dengan tujuan hendak memperoleh atau mempertahankan hak Kesatuan atau sebarang hak yang terbit dari perhubungan di antara seseorang dengan majikannya.
 - (d) Bayaran urusan mengenai pertikaian kerja bagi pihak kesatuan atau ahli-ahlinya dengan syarat bahawa pertikaian kerja itu tidak bertentangan dengan Akta Kesatuan Sekerja 1959 atau undang-undang bertulis yang lain.
 - (e) Bayaran gantirugi kepada ahli kerana kerugian yang disebabkan oleh pertikaian kerja yang melibatkan ahli tersebut dengan syarat bahawa pertikaian kerja itu tidak bertentangan dengan Akta Kesatuan Sekerja 1959 atau undang-undang bertulis yang lain.
 - (f) Bayaran elaun kepada ahli oleh sebab berumur tua, sakit, ditimpa kemalangan atau hilang pekerjaan ahli itu dan bayaran kepada tanggungannya di masa kematian ahli itu.
 - (g) Bayaran yuran gabungan mengenai pergabungan dengan, atau keanggotaan pada mana-mana Persekutuan Kesatuan Sekerja yang telah didaftarkan di bawah Bahagian XII Akta Kesatuan Sekerja 1959, atau mana-mana badan perunding atau badan yang serupa yang mana kelulusan telah diberi oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja di bawah Seksyen 76A(1) atau Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja telah diberitahu di bawah Seksyen 76A(2)

- (h) Bayaran-bayaran yang tersebut di bawah:-
- (i) Tambang-tambang keretapi, perbelanjaan pengangkutan lain yang perlu, perbelanjaan makan dan tempat tidur, yang berasaskan resit atau sebanyak yang telah ditentukan oleh kesatuan mengikut had-had yang ditentukan di bawah Peraturan 20.
 - (ii) Bayaran jumlah kehilangan gaji yang sebenar oleh wakil kesatuan kerana menghadiri mesyuarat-mesyuarat mengenai atau berhubung dengan hal perhubungan perusahaan atau menyempurnakan apa-apa perkara seperti diperlukan oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja berkaitan dengan Akta Kesatuan Sekerja 1959 atau peraturan-peraturannya, mengikut had-had yang ditentukan di bawah Peraturan 20.
 - (iii) Perbelanjaan untuk menubuhkan atau mengekalkan Persekutuan Kesatuan Sekerja yang didaftarkan di bawah Bahagian XII Akta Kesatuan Sekerja 1959, atau badan perunding atau badan yang serupa yang mana kelulusan telah diberi oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja di bawah Seksyen 76A(1) atau Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja telah diberitahu di bawah Seksyen 76A(2).
- (i) Perbelanjaan urusan mengarang, mencetak, menerbit dan mengedarkan sebarang suratkhobar, majalah, surat berita atau penerbitan lain yang dikeluarkan oleh kesatuan untuk menjayakan tujuan-tujuannya atau untuk faedah ahli-ahlinya menurut peraturan-peraturan yang telah didaftarkan.
 - (j) Perbelanjaan yang dibuat untuk menyelesaikan pertikaian-pertikaian di bawah Bahagian VI Akta Kesatuan Sekerja 1959.
 - (k) Bayaran mengenai aktiviti-aktiviti sosial, kebudayaan, sukan, pelajaran dan amal kebajikan bagi ahli-ahli Kesatuan.
 - (l) Pembayaran premium kepada syarikat-syarikat insurans yang berdaftar di Malaysia. Pembayaran premium ini hendaklah diluluskan oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja dari semasa ke semasa.
- (2) Wang Kesatuan tidak boleh digunakan secara langsung atau sebaliknya untuk membayar denda atau hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah kepada sesiapa pun.
- (3) Wang Kesatuan yang tidak dikehendaki untuk perbelanjaan biasa yang telah diluluskan hendaklah dimasukkan ke dalam bank oleh Bendahari Agung dalam tempoh tujuh hari dari tarikh penerimaannya. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Kesatuan dan butir-butir mengenai kira-kira itu hendaklah dihantar kepada

Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja. Pelantikan sesuatu bank itu hendaklah diluluskan oleh Majlis Jawatankuasa Agung.

- (4) Semua cek atau notis pengeluaran wang atas nama Kesatuan hendaklah ditandatangani bersama-sama oleh Presiden (masa ketiadaannya oleh Timbalan Presiden), Setiausaha Agung (di masa ketiadaannya oleh Penolong Setiausaha Agung I) dan Bendahari Agung (masa ketiadaannya oleh Penolong Bendahari Agung I).

(508/4/2011(1)-(3) 21.04.2011)

- (5) Bendahari Agung dibenarkan menyimpan wang tunai tidak lebih dari RM 1,000.00 pada sesuatu masa dan tidak dibenarkan membelanjakan lebih dari RM 1,000.00 pada sesuatu masa tanpa mendapat kebenaran Majlis Jawatankuasa Agung terlebih dahulu. Bendahari Agung hendaklah menyediakan satu penyata belanjawan tahunan untuk diluluskan dalam Persidangan Perwakilan dan semua perbelanjaan yang dibuat oleh kesatuan hendaklah di dalam had yang ditetapkan oleh belanjawan yang diluluskan itu. Belanjawan itu bolehlah dipinda dari semasa ke semasa dengan mendapat kelulusan terlebih dahulu dalam Persidangan Perwakilan.

(508/4/2011(1)-(3) 21.04.2011)

- (6) Semua harta kesatuan hendaklah dimiliki bersama atas nama Pemegang-Pemegang Amanah, Wang Kesatuan yang tidak dikehendaki untuk urusan pentadbiran kesatuan sehari-hari bolehlah:-

- (a) digunakan untuk membeli atau memajak sebarang tanah atau bangunan untuk kegunaan kesatuan. Tanah atau bangunan ini bolehlah dijual, ditukar, dicagarkan atau digadai mengikut mana-mana undang-undang yang bertulis atau undang-undang lain yang dikuatkuasakan pada masa ini;
- (b) dilaburkan dalam mana-mana jaminan-jaminan amanah (securities) atau dalam pinjaman kepada mana-mana Syarikat mengikut mana-mana Undang-Undang yang berkaitan dengan pemegang amanah;
- (c) disimpan dalam mana-mana Bank yang ditubuhkan atau didaftarkan di Malaysia atau dalam dana syarikat kewangan yang merupakan anak syarikat bank tersebut; atau
- (d) dengan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Menteri Sumber Manusia dan tertakluk kepada syarat-syarat yang mungkin dikenakan oleh beliau, dilaburkan:-
 - (i) dalam mana-mana Syarikat Kerjasama yang berdaftar; atau
 - (ii) dalam mana-mana pengusahaan perdagangan, perindustrian atau pertanian yang ditubuhkan dan berjalan urusannya di Malaysia.

Semua belian dan pelaburan-pelaburan di bawah peraturan ini hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh Majlis Jawatankuasa Agung dan dibuat atas nama Pemegang-pemegang Amanah Kesatuan. Kelulusan ini hendaklah disahkan oleh Persidangan Perwakilan yang akan datang. Pemegang-pemegang Amanah hendaklah memegang saham-saham atau pelaburan-pelaburan bagi pihak ahli-ahli kesatuan.

- (7) Bendahari Agung hendaklah menulis atau menguruskan supaya ditulis di dalam buku kira-kira Kesatuan sebarang keterangan penerimaan dan pembayaran wang kesatuan dan sebarang hasil dari pelaburan.
- (8) Bendahari Agung hendaklah pada atau sebelum 1 Oktober tiap-tiap tahun atau apabila dia berhenti atau meletak jawatan dari pekerjaannya atau pada bila-bila masa dia dikehendaki berbuat demikian oleh Majlis Jawatankuasa Agung atau oleh wakil-wakil melalui suatu ketetapan yang dibuat dalam Persidangan Perwakilan atau Persidangan Perwakilan Luarbiasa atau apabila dikehendaki oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja maka dia hendaklah menyerahkan kepada kesatuan dan ahli-ahlinya atau kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja mana-mana kehendak yang berkaitan, suatu kenyataan yang sah lagi betul perihal sekalian wang yang diterima dan dibayarnya dari tempoh ia mula memegang jawatan itu atau jika ia telah pernah membentangkan kira-kiranya terlebih dahulu, maka dari tarikh kira-kira dahulu itu dibentangkan. Bendahari Agung hendaklah juga menyatakan baki wang ditangannya pada masa ia menyerahkan kira-kira itu dan semua "bond" dan jaminan ("securities") atau lain-lain harta Kesatuan di dalam simpanan atau jagaannya.
- (9) Borang yang akan digunakan untuk membentangkan kira-kira itu ialah sebagaimana yang ditentukan oleh peraturan-peraturan Kesatuan Sekerja 1959. Kira-kira itu hendaklah diaudit menurut Peraturan 16. Sesudah sahaja kira-kira itu diaudit maka Bendahari Agung hendaklah menyerahkan kepada Pemegang-pemegang Amanah Kesatuan jika dikehendaki oleh mereka itu, semua bond dan jaminan, perkakas, buku-buku, surat dan harta Kesatuan yang ada di dalam simpanan atau jagaannya
- (10) Pegawai lain atau kakitangan Kesatuan tidak boleh menerima wang atau mengeluarkan resit rasmi tanpa kuasa yang diberi dengan bersurat oleh Presiden pada tiap-tiap kali mereka itu dikehendaki berbuat demikian.

Peraturan 22. Pemeriksaan Buku-Buku dan Kira-Kira.

Tiap-tiap ahli yang berhak dalam hal kewangan Kesatuan boleh memeriksa buku-buku dan kira-kira Kesatuan dan nama-nama ahli pada masa-masa yang munasabah di tempat buku-buku itu disimpan dengan syarat ia memberi notis yang mencukupi dan berpatutan.

Peraturan 23. Yuran Khas/Kutipan Khas.

- (1) Apabila sesuatu usul diputuskan dengan undi sulit menurut Peraturan 27, maka bolehlah Majlis Jawatankuasa Agung memungut yuran/kutipan khas dari semua ahli kesatuan kecuali mereka yang telah dikecualikan daripada bayaran ini oleh Majlis Jawatankuasa Agung menurut Peraturan 4.
- (2) Jika seseorang ahli tidak menjelaskan yuran/kutipan khas itu dalam tempoh enam minggu dari tarikh ia dijalankan atau dalam tempoh yang lebih panjang lagi sebagaimana yang ditetapkan di dalam keputusan yang telah diambil itu, maka wang itu hendaklah disifatkan sebagai tunggakan yuran Kesatuan dan ahli itu boleh terlucut haknya menurut Peraturan 4.

Peraturan 24. Pertikaian Perusahaan.

- (1) Jika seseorang ahli berhajat supaya diambil tindakan berkenaan dengan syarat-syarat pekerjaannya atau sebarang hal yang lain maka ia hendaklah mengemukakan aduannya kepada Setiausaha Cawangannya secara bertulis. Setiausaha Cawangan itu hendaklah menyampaikan hal pengaduan itu kepada Jawatankuasa Cawangan dengan serta merta. Jika pengaduan ahli itu dibuat dengan lisan maka Setiausaha Cawangan hendaklah menuliskannya dan menyampaikan aduan itu kepada Jawatankuasa Cawangan bersama-sama dengan laporannya. Jawatankuasa Cawangan hendaklah memutuskan sama ada perkara itu akan diselenggarakan di peringkat cawangan atau diserahkan kepada Majlis Jawatankuasa Agung.
- (2) Jika berbangkit sesuatu pertikaian perusahaan maka ahli-ahli yang berkenaan hendaklah menyampaikan hal itu kepada Setiausaha Cawangan dan Setiausaha Cawangan hendaklah terus melaporkan hal itu kepada Jawatankuasa Cawangan. Jawatankuasa Cawangan hendaklah menguruskan hal pertikaian itu jika difikirkan patut ia berbuat demikian atau merujukan perkara kepada Majlis Jawatankuasa Agung. Sekiranya pertikaian itu diuruskan oleh Cawangan maka Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah diberitahu sepenuhnya perkembangan pertikaian itu oleh Jawatankuasa Cawangan.
- (3) Kesatuan tidak boleh menganjurkan mogok dan ahli-ahlinya tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam mogok:
 - (a) tanpa mendapat kelulusan Majlis Jawatankuasa Agung terlebih dahulu;
 - (b) tanpa mendapat persetujuan dengan undi sulit sekurang-kurangnya 2/3 daripada jumlah ahli yang layak mengundi dan yang berkaitan dengan mogok yang akan dijalankan itu;

- (c) sebelum luput tempoh tujuh hari selepas keputusan undi sulit itu dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Pekerja mengikut Seksyen 40(5) Akta Kesatuan Sekerja 1959;
 - (d) sekiranya undi sulit untuk mogok yang dicadangkan itu telah luput atau tidak boleh dikuatkuasakan lagi oleh kerana peruntukan-peruntukan kecil 40(2), 40(6) atau 40(9) Akta Kesatuan Sekerja 1959;
 - (e) yang bertentangan dengan atau tanpa mematuhi peraturan-peraturan ini;
 - (f) yang berkaitan dengan apa-apa perkara diluputi oleh suatu arahan atau keputusan Menteri Sumber Manusia yang diberi atau dibuatnya berikutan apa-apa rayuan di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959; dan
 - (g) yang bertentangan dengan atau tanpa mematuhi mana-mana peruntukan lain dari Akta Kesatuan Sekerja 1959 atau mana-mana peruntukan undang-undang lain yang bertulis.
- (4) Majlis Jawatankuasa Agung atau Jawatankuasa Cawangan tidak boleh menyokong apa-apa pemogokan dengan wang atau sebaliknya, kecuali peruntukan-peruntukan Peraturan 24(3) telah dipatuhi.
- (5) Sesuatu undi sulit yang diambil atas apa-apa perkara berhubung dengan pemogokan hendaklah mengandungi satu usul yang menerangkan dengan jelas akan isu yang menyebabkan pemogokan yang dicadangkan itu. Usul itu hendaklah juga menerangkan dengan jelasnya rupa bentuk tindakan yang akan dilakukan dan tidak akan dilakukan di sepanjang pemogokan itu. Undi sulit yang tidak memenuhi kehendak-kehendak ini tidaklah sah dan tidak boleh dikuatkuasakan dan pemogokan tidak boleh dilakukan berdasarkan undi sulit tersebut.
- (6) Mana-mana ahli kesatuan yang memulakan mogok, mengambil bahagian atau bertindak bagi melanjutkan apa-apa pemogokan yang melanggar Akta Kesatuan Sekerja 1959 atau peraturan-peraturan ini atau mana-mana peruntukan undang-undang bertulis, adalah terhenti dengan sendirinya daripada menjadi ahli kesatuan dan selepas itu tidak boleh menjadi ahli kesatuan ini atau kesatuan lain kecuali dengan kelulusan bertulis dari Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja terlebih dahulu. Kesatuan hendaklah dengan serta merta:-
- (a) mengeluarkan nama ahli tersebut dari Daftar Ahli/Yuran;
 - (b) memberitahu Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja dan ahli berkenaan akan pengeluaran nama tersebut; dan
 - (c) mempamerkan di satu tempat yang mudah dilihat di Pejabat Kesatuan yang berdaftar satu senarai nama-nama ahli telah dikeluarkan itu.

Peraturan 25. Kegiatan Pendidikan.

Kesatuan boleh menambahkan ilmu pengetahuan ahli-ahlinya dengan mengajurkan perjumpaan-perjumpaan, seminar-seminar dan kursus-kursus. Selanjutnya Kesatuan boleh menerbitkan buku-buku dan menjalankan urusan-urusan lain seumpamanya yang boleh memajukan pengetahuan ahli-ahlinya dalam hal perusahaan, kebudayaan dan kemasyarakatan dengan syarat hendaklah mematuhi undang-undang mengenai perbelanjaan wang kesatuan sekerja yang berkuatkuasa sekarang.

Peraturan 26. Peraturan-Peraturan dan Pindaan Peraturan-Peraturan.

- (1) Pindaan peraturan yang akan menyebabkan beratnya lagi tanggungan ahli untuk mencarumkan atau kurangnya faedah yang dinikmatinya hanya boleh dibuat jika diluluskan oleh ahli-ahli dengan undi sulit. Pindaan lain peraturan-peraturan Kesatuan boleh dibuat dengan kelulusan Persidangan Perwakilan yang diadakan menurut Peraturan 9 atau Peraturan 10 atau dengan undi sulit.
- (2) Tiap-tiap pindaan peraturan-peraturan hendaklah berkuatkuasa dari tarikh pindaan itu didaftarkan oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja kecuali jika suatu tarikh yang terkemudian dari itu ditentukan di dalam Peraturan-Peraturan ini.
- (3) Satu naskhah peraturan-peraturan Kesatuan yang bercetak hendaklah dipamerkan di suatu tempat yang mudah dilihat di Pejabat Kesatuan yang didaftarkan, Setiausaha Kesatuan hendaklah memberi senaskhah peraturan-peraturan Kesatuan kepada sesiapa juga yang memintanya dengan bayaran tidak lebih dari satu ringgit Malaysia senaskah.

Peraturan 27 : Undi Sulit.

- (1) Keputusan-keputusan berkenaan dengan perkara-perkara yang tersebut di bawah ini hendaklah dibuat dengan undi sulit oleh semua ahli berhak atau ahli-ahli berhak yang berkenaan dengan syarat ahli yang belum cukup 18 tahun tidak berhak mengundi atas perkara-perkara (c), (d), (e) dan (g) :-
 - (a) pemilihan Pegawai-Pegawai Kesatuan (selain daripada Pemegang Amanah, Juruaudit Dalam dan Pemeriksa Undi menurut Peraturan 12);
 - (b) pemilihan wakil-wakil ke Persidangan Perwakilan Tritahunan atau pemilihan wakil-wakil Persekutuan Kesatuan-Kesatuan Sekerja;
 - (c) semua perkara mengenai mogok menurut Peraturan 24(3);
 - (d) mengenakan kutipan/yuran khas;

- (e) pindaan peraturan-peraturan ini jika pindaan itu menyebabkan bertambah lagi tanggungan ahli untuk mencarum atau kurangnya faedah yang dinikmatinya;
 - (f) bercantum dengan kesatuan sekerja yang lain atau memindahkan urusan kepada kesatuan sekerja yang lain;
 - (g) membubarkan Kesatuan atau Persekutuan Kesatuan Sekerja.
- (2) Untuk menjalankan undi sulit, cara-cara yang dinyatakan di dalam Kembaran kepada peraturan-peraturan ini hendaklah dipatuhi.

Peraturan 28 : Pelantikan Jemaah Penimbangtara

- (1) Satu Jemaah Penimbangtara yang terdiri dari lima orang Penimbangtara hendaklah dilantik pada Persidangan Perwakilan Pertama Kesatuan untuk menyelesaikan sesuatu pertikaian dalam Kesatuan. Penimbangtara-penimbangtara ini hendaklah bukan ahli kesatuan ini dan tidak ada kaitan langsung dengan kewangan Kesatuan.
- (2) Apabila berlaku apa-apa kekosongan kerana sebarang sebab, maka kekosongan itu hendaklah diisikan dengan melantik gantinya di Mesyuarat Majlis Jawatankuasa Agung.
- (3) Setiausaha Agung Kesatuan hendaklah melaporkan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja butir-butir peribadi Jemaah Penimbangtara (seperti nama, nombor kad pengenalan, jawatan, dan alamat) dan apa-apa perubahan keanggotaan Jemaah kemudian.
- (4) Apabila sesuatu pertikaian dirujuk kepada Jemaah Penimbangtara pihak-pihak dalam pertikaian hendaklah bersama-sama memilih dengan mengundi tiga daripada lima anggota Jemaah Penimbangtara. Setiausaha Agung hendaklah menetapkan tempat dan masa bagi urusan ini. Laporan dan keputusan Penimbangtara hendaklah dikemukakan kepada Majlis Jawatankuasa Agung seberapa segera.

Peraturan 29 : Pertikaian Dalam Kesatuan.

- (1) Tiap-tiap pertikaian yang berlaku di antara:
 - (a) seseorang ahli atau seseorang yang menuntut melalui seseorang ahli atau menurut peraturan ini, disebelah pihak, dengan kesatuan atau Pegawai Kesatuan di pihak yang lagi satu: atau

- (b) seseorang yang telah terkilan yang telah berhenti menjadi ahli kesatuan atau seseorang yang telah menuntut melalui orang yang terkilan itu, di sebelah pihak, dengan kesatuan atau Pegawai Kesatuan, di pihak yang lagi satu: atau
 - (c) kesatuan dengan seseorang Pegawai Kesatuan, hendaklah diselesaikan dengan jalan timbangtara.
- (2) Di mana pertikaian itu melibatkan perkara seperti berikut:
- (i) pemilihan pegawai-pegawai kesatuan;
 - (ii) kira-kira dan kewangan kesatuan; atau
 - (iii) melanggar peraturan-peraturan kesatuan.
- maka bolehlah pihak yang menuntut dan pihak yang kena tuntutan bersama-sama merujuk pertikaian itu kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja dan keputusannya adalah muktamad.
- (3) Tertakluk kepada perenggan (2), semua pertikaian hendaklah dirujuk oleh Setiausaha Agung secara bertulis kepada Jemaah Penimbangtara dalam tempoh 40 hari dari tarikh permohonan diterima oleh Kesatuan.
- (4) Dalam peraturan ini perkataan "pertikaian" meliputi sebarang pertikaian mengenai soal sama ada seseorang ahli atau orang yang terkilan itu berhak menjadi ahli, terus menjadi ahli ataupun diterima semula menjadi ahli. Akan tetapi bagi seseorang yang telah berhenti menjadi ahli perkataan "pertikaian" ini hanya meliputi pertikaian di antaranya dengan Kesatuan atau Pegawai Kesatuan mengenai soal yang berbangkit di masa ia menjadi ahli.
- (5) Pihak yang terkilan berhak membuat rayuan terhadap sebarang keputusan yang telah diberi oleh Penimbangtara-penimbangtara kepada Persidangan Perwakilan dan keputusan Persidangan itu adalah muktamad.

Peraturan 30. Pembubaran.

- (1) Kesatuan ini tidak boleh dibubarkan dengan sendiri melainkan dengan persetujuan melalui undi sulit tidak kurang daripada 75% ahli-ahlinya yang berhak mengundi.
- (2) Jika sekiranya kesatuan ini dibubarkan seperti yang tersebut di atas maka segala hutang dan tanggungan yang dibuat dengan cara sah bagi pihak kesatuan hendaklah dijelaskan dengan sepenuhnya dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan menurut keputusan yang akan dibuat dengan undi sulit. Penyata kewangan terakhir hendaklah diaudit oleh Juruaudit bertauliah atau seseorang yang dipersetujui oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja.

- (3) Notis pembubaran dan dokumen-dokumen lain seperti yang dikehendaki oleh peraturan-peraturan Kesatuan Sekerja 1959 hendaklah dimajukan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja dalam tempoh 14 hari selepas pembubaran itu. Pembubaran itu akan berkuatkuasa dari tarikh pendaftarannya oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja.

Peraturan 31. Penubuhan dan Pembubaran Cawangan.

- (1) Majlis Jawatankuasa Agung boleh menubuhkan cawangan di mana-mana kawasan atau tempat kerja jika di kawasan tempat kerja itu ada sekurang-kurang 100 orang ahli.
- (2) Majlis Jawatankuasa Agung boleh membubarkan sesuatu cawangan:-
 - (a) apabila bilangan ahli cawangan itu kurang dari 20 orang selama enam bulan berturut-turut; atau
 - (b) jika cawangan itu enggan atau gagal menurut peraturan-peraturan kesatuan ini atau keputusan Persidangan Perwakilan atau keputusan Majlis Jawatankuasa Agung atau pada pendapat Majlis Jawatankuasa Agung, cawangan itu bersalah kerana melakukan sebarang perbuatan yang merugikan Kesatuan.
- (3) Keputusan untuk membubarkan cawangan itu hendaklah dibuat dalam mesyuarat Majlis Jawatankuasa Agung dengan suara yang terbanyak. Jika sesuatu cawangan itu hendak dibubarkan menurut perenggan 2(b) maka cawangan itu hendaklah diberi notis 30 hari dan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan ke atasnya.
- (4) Jika sesuatu cawangan itu dibubarkan dengan alasan yang tersebut di perenggan 2(b) di atas maka Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah memindahkan ahli-ahli yang tinggal itu ke cawangan yang berhampiran sekali. Bagi cawangan itu dibubarkan dengan alasan yang tersebut di perenggan 3(b) di atas maka semua ahlinya akan terhenti daripada menjadi ahli kesatuan dan akan hilang segala haknya di dalam kesatuan.
- (5) Perintah membubarkan cawangan itu hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Agung. Apabila cawangan tersebut menerima perintah itu maka cawangan itu tidak lagi boleh menjalankan kerjanya kecuali kerja-kerja menutupnya.
- (6) Mana-mana cawangan yang tidak puas hati dengan perintah pembubaran itu hendaklah merayu kepada Persidangan Perwakilan. Surat rayuan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan perintah itu. Walaupun rayuan telah dibuat, perintah pembubaran itu hendaklah juga dikuatkuasakan sehingga ia dibatalkan, tetapi buat sementara waktu Majlis Jawatankuasa Agung boleh melantik di antara mereka satu Jawatankuasa Pengelola untuk menguruskan

hal ehwal Cawangan itu sehingga rayuan itu mendapat keputusan. Cawangan tidak boleh diwakili oleh peguam atau seseorang yang bukan ahli Kesatuan bagi maksud rayuan tersebut.

- (7) Adalah menjadi kewajipan Pengerusi dan Setiausaha Cawangan yang dibubarkan itu menyerahkan kepada Setiausaha Agung segala buku-buku, surat-surat, wang dan harta kepunyaan cawangan, bersama-sama dengan suatu kenyataan kewangan dari tarikh kira-kira yang lalu dibentangkan sehingga tarikh perintah pembubaran itu dikeluarkan.

Peraturan 32. Jawatankuasa Cawangan.

- (1) Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan hendaklah terdiri daripada:

Seorang Pengerusi	)	yang dinamakan Pegawai-pegawai
Seorang Naib Pengerusi	)	Cawangan dan dipilih tiap-tiap tiga
Seorang Setiausaha	)	tahun dengan undi sulit oleh semua ahli
Seorang Pen. Setiausaha	)	berhak dalam Cawangan masing-masing
Seorang Bendahari	)	tertakluk pada perbekalan di bawah

dan

Ahli-ahli Jawatankuasa terdiri) yang dipilih seperti di atas.
daripada 10 orang)

- (2) Wakil-wakil cawangan ke Persidangan Perwakilan hendaklah dipilih tiap-tiap tiga tahun dengan undi sulit dan keputusan undi bagi Ahli Jawatankuasa dan wakil-wakil hendaklah diumumkan dalam Mesyuarat Agung Tritahunan cawangan itu. Sekiranya seseorang calon untuk jawatan itu tidak ditandingi dan pencalonannya telah dilaksanakan menurut cara-cara yang ditentukan di dalam Peraturan 34(3) maka ia hendaklah dianggap dengan serta merta telah dipilih dan namanya diasingkan dari kertas undi untuk pemilihan Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan dan wakil-wakil.
- (3) Jawatankuasa Cawangan dan wakil-wakil cawangan yang pertama hendaklah dipilih dengan undi sulit dalam masa tiga bulan setelah cawangan itu ditubuhkan, dan sehingga pemilihan itu dijalankan Jawatankuasa Penaja Cawangan yang dilantik secara angkat tangan dalam Mesyuarat penubuhan cawangan itu hendaklah menguruskan hal ehwal Cawangan.
- (4) Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan, hendaklah memegang jawatan dari satu Mesyuarat Agung Tritahunan Cawangan ke satu Mesyuarat Agung Tritahunan Cawangan yang lain.

- (5) Sekiranya pada sesuatu Mesyuarat Agung Luar Biasa suatu usul tidak percaya terhadap Jawatankuasa Cawangan telah diluluskan oleh dua pertiga suara teramai maka Jawatankuasa Cawangan hendaklah dengan serta merta bertugas sebagai pengurus sementara dan dalam tempoh sebulan setelah Mesyuarat Agung itu, ia hendaklah mengadakan pemilihan semua Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan dengan undi sulit. Mereka yang dipilih dengan cara ini hendaklah memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Tritahunan yang akan datang. Apabila sahaja berlaku pertukaran Pegawai-pegawai, Pegawai-pegawai atau Jawatankuasa Cawangan yang bakal meninggalkan jawatan hendaklah menyerahkan kepada Pegawai-pegawai atau Jawatankuasa Cawangan yang bakal memegang jawatan segala rekod berhubung dengan jawatannya dalam masa satu minggu.
- (6) Notis pemberitahu pemilihan Pegawai-Pegawai Cawangan hendaklah dihantar dalam borang yang ditetapkan kepada Setiausaha Agung dalam tempoh 7 hari selepas pemilihan.
- (7) Kewajipan Jawatankuasa Cawangan ialah menguruskan hal ehwal cawangan menurut peraturan-peraturan Kesatuan dan perintah-perintah yang dikeluarkan oleh Majlis Jawatankuasa Agung. Jawatankuasa Cawangan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya enam bulan sekali dan cukup kuorum mesyuarat apabila hadir setengah daripada jumlah ahlinya. Setiausaha Cawangan hendaklah menyampaikan kepada Setiausaha Agung salinan minit-minit mesyuarat tidak lewat daripada 14 hari sesudah mesyuarat itu diadakan.
- (8) Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan yang tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tidak lagi berhak menyandang jawatannya melainkan jika dapat ia memberi alasan yang memuaskan kepada Jawatankuasa Cawangan.

Peraturan 33. Kewajipan Pegawai-Pegawai Cawangan.

- (1) Pengerusi hendaklah menjadi Pengerusi Mesyuarat Agung Cawangan dan semua mesyuarat Jawatankuasa Cawangan dan akan bertanggungjawab tentang kesempurnaan mesyuarat itu. Dia mempunyai undi pemutus dalam isu-isu pada masa mesyuarat itu. Kuasa pemutus itu tidak termasuk perkara-perkara yang melibatkan undi sulit. Beliau hendaklah menandatangani minit-minit mesyuarat apabila disahkan. Dia akan menyelenggarakan urusan kewangan dan kira-kira bank cawangannya (jika berkaitan) bersama-sama dengan Setiausaha dan Bendahari cawangan menurut Peraturan 37 dan akan mengawasi pentadbiran am cawangan.
- (2) Setiausaha hendaklah menguruskan segala kerja-kerja cawangan menurut peraturan-peraturan ini dan hendaklah menjalankan perintah-perintah dan arahan-arahan Majlis Jawatankuasa Agung, Persidangan Perwakilan dan Mesyuarat Agung Cawangan atau Jawatankuasa Cawangan. Dia hendaklah bertanggungjawab mengenai surat mesyuarat cawangannya, menyimpan buku-buku, surat-surat keterangan dan kertas-

kertas cawangannya mengikut cara dan aturan yang diarahkan oleh Majlis Jawatankuasa Agung atau Jawatankuasa Cawangan. Dia hendaklah menyimpan dan mengemaskini suatu daftar ahli/yuran yang mengandungi nama ahli, alamat, nombor ahli, nombor kad pengenalan dan tarikh menjadi ahli dan ia hendaklah memberitahu Setiausaha Agung di akhir tiap-tiap tiga bulan mengenai apa-apa pertukaran yang berlaku terhadap ahli-ahli itu. Dia hendaklah menghadiri semua mesyuarat dan menulis minit-minit mesyuarat dan menyediakan penyata tahunan cawangan untuk Mesyuarat Agung Tritahunan Cawangan. Dia hendaklah menyediakan agenda dan menetapkan Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan dengan persetujuan Pengerusi Cawangan. Dia hendaklah menyelenggarakan urusan kewangan dan kira-kira bank cawangannya bersama-sama dengan Pengerusi dan Bendahari cawangan.

- (3) Penolong Setiausaha hendaklah membantu Setiausaha Cawangan dalam urusan pentadbiran Kesatuan dan hendaklah menggantikannya semasa ketiadaannya. Penolong Setiausaha hendaklah juga menjalankan tugas-tugas sebagai mana di arah oleh Jawatankuasa Cawangan.
- (4) Bendahari hendaklah bertanggungjawab dalam urusan penerimaan dan pembayaran wang bagi pihak kesatuan dan urusan penyimpanan dan mencatat di buku kewangan sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan-peraturan Kesatuan Sekerja 1959. Ia hendaklah mengeluarkan resit bagi sebarang wang yang diterimanya. Dia hendaklah bertanggungjawab tentang keselamatan buku-buku kewangan dan surat-surat keterangan yang berkaitan di Cawangannya dan ia tidak boleh mengeluarkan buku-buku dan surat keterangan dari simpanan rasmi cawangannya tanpa kebenaran yang bertulis daripada Presiden Kesatuan atau Pengerusi Cawangan pada tiap-tiap kali ia hendak mengeluarkannya. Dia hendaklah menguruskan kira-kira bank cawangannya bersama-sama dengan Pengerusi dan Setiausaha cawangan. Dia hendaklah menyediakan penyata kewangan bagi setiap Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan dan Mesyuarat Agung Cawangan. Dia hendaklah memberi kemudahan kepada Juruaudit Dalam supaya mengaudit Penyata kira-kira dan dokumen-dokumen lain pada tiap-tiap akhir tiga bulan.

Peraturan 34. Mesyuarat Agung Cawangan.

- (1) Mesyuarat Agung Tritahunan Cawangan hendaklah diadakan dengan seberapa segera selepas 31hb. Mac dan tidak lewat dari 31hb. Julai tiap-tiap tiga tahun. Tarikh, masa dan tempat mesyuarat hendaklah ditetapkan oleh Jawatankuasa Cawangan.
- (2) Notis permulaan bagi Mesyuarat Agung Tritahunan Cawangan menyatakan tarikh, masa, tempat mesyuarat, permintaan usul-usul untuk diperbincangkan di dalam mesyuarat itu (termasuk usul pindaan peraturan) dan penamaan calon bagi pemilihan Pegawai-Pegawai Kanan Kesatuan yang dikehendaki di bawah Peraturan 12(2), ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan dan wakil-wakil hendaklah dihantar oleh Setiausaha

Cawangan kepada semua ahli sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh mesyuarat. “Ahli” di sini bermakna ahli yang berhak mengundi pada masa pengundian itu.

- (3) Pencalonan bagi jawatan Pegawai-pegawai Kanan Kesatuan, ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan dan wakil-wakil cawangan serta usul-usul untuk perbincangan di dalam Mesyuarat Agung Tritahunan hendaklah dihantar oleh ahli-ahli kepada Setiausaha Cawangan sekurang-kurangnya dua puluh satu hari sebelum Mesyuarat Agung Tritahunan Cawangan. Semua pencalonan hendaklah dibuat di dalam borang yang ditentukan oleh kesatuan dan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:-

Nama jawatan yang ditandingi, nama calon, nombor kad pengenalan, nombor keahlian kesatuan, tarikh lahir, alamat, pekerjaan, nombor sijil kerakyatan/taraf kerakyatan dan tempoh masa ia bekerja dalam pekerjaan atau ketukangan seperti yang ditentukan dalam peraturan 3(1).

- (4) Sesuatu pencalonan itu tidak sah melainkan:-
 - (a) ia ditandatangani oleh seorang penyokong dan seorang pencadang yang merupakan ahli-ahli berhak dan
 - (b) ia mengandungi persetujuan calon yang bertanding itu secara bertulis.
- (5) Setiausaha Cawangan hendaklah memaklumkan kepada Setiausaha Agung tarikh Mesyuarat Agung Cawangan sekurang-kurangnya 30 hari sebelum mesyuarat itu hendak diadakan.
- (6) Setiausaha Cawangan hendaklah menghantar kepada semua ahli-ahli cawangan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh mesyuarat suatu agenda yang mengandungi usul-usul, penyata tahunan dan penyata kira-kira untuk perbincangan dan kelulusan serta kertas undi sulit mengikut kembar kepada peraturan-peraturan ini bagi pemilihan anggota Jawatankuasa Cawangan dan wakil-wakil cawangan.
- (7) Satu perempat daripada jumlah ahli-ahli yang berhak atau 50 ahli yang mana mungkin hendaklah menjadi kuorum Mesyuarat Agung Cawangan,
- (8) Jika selepas satu jam dari masa yang ditentukan, bilangan ahli yang hadir masih tidak mencukupi maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lewat dari 14 hari kemudian) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Cawangan.
- (9) Sekiranya kuorum dalam mesyuarat yang ditangguhkan itu masih tidak mencukupi pada masa yang ditentukan maka, ahli-ahli yang hadir berkuasa menjalankan mesyuarat itu.

- (10) Urusan Mesyuarat Agung Cawangan antara lain ialah:-
- (a) menerima dan meluluskan penyata-penyata dan laporan-laporan daripada Setiausaha dan Bendahari Cawangan;
 - (b) membincangkan dan memutuskan usul-usul untuk dibawa ke Persidangan Perwakilan;
 - (c) memilih:-
 - (i) 2 orang Juruaudit Dalam Cawangan.
 - (ii) 5 orang Jemaah Pemeriksa Undi Cawangan;
 - (d) membincang dan memutuskan perkara-perkara lain yang terkandung di dalam agenda; dan
 - (e) menerima penyata Pemeriksa Undi bagi pemilihan Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan, Wakil-wakil, Pegawai-pegawai Kanan dan perkara-perkara lain.

Peraturan 35. Mesyuarat Agung Luarbiasa Cawangan.

- (1) Mesyuarat Agung Luarbiasa Cawangan hendaklah diadakan:-
- (i) apabila diperintah oleh Majlis Jawatankuasa Agung; atau
 - (ii) apabila sahaja difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Cawangan; atau
 - (iii) apabila menerima permintaan bersama yang bertulis daripada tidak kurang satu perempat jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menyatakan tujuan-tujuan dan sebab-sebab untuk mengadakan mesyuarat itu.
- (2) Mesyuarat Agung Luarbiasa Cawangan yang diminta oleh ahli-ahli itu hendaklah diadakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh permintaan itu diterima.
- (3) Notis dan agenda bagi sesuatu Mesyuarat Agung Luarbiasa Cawangan hendaklah disampaikan oleh Setiausaha Cawangan kepada semua ahli berhak sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh mesyuarat itu.
- (4) Peruntukan-peruntukan Peraturan 34 berkenaan dengan kourum dan penangguhan Mesyuarat Agung Cawangan adalah juga terpakai bagi Mesyuarat Agung Luar Biasa Cawangan. Akan tetapi dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diminta oleh ahli-ahli, jika mesyuarat itu ditangguhkan kerana kuorum tidak cukup maka mesyuarat yang ditetapkan sesudah penangguhan itu hendaklah dibatalkan sekiranya kuorum masih tidak mencukupi selepas satu jam dari masa yang dijadualkan. Mesyuarat Agung Luar Biasa bagi perkara yang sama tidak boleh diminta lagi melainkan selepas enam bulan dari tarikh mesyuarat itu dibatalkan.

- (5) Jika Mesyuarat Agung Tritahunan sesuatu cawangan tidak dapat diadakan dalam masa yang ditentukan di bawah Peraturan 34(1) maka suatu Mesyuarat Agung Luarbiasa Cawangan berkuasa menjalankan sebarang kerja yang lazimnya dijalankan oleh Mesyuarat Agung Tritahunan Cawangan itu dengan syarat Mesyuarat Agung Luar Biasa Cawangan berkenaan mestilah diadakan sebelum Persidangan Perwakilan Tritahunan dalam tahun yang sama.

Peraturan 36. Pelantikan Jemaah Pemeriksa-Pemeriksa Undi Cawangan.

- (1) Satu Jemaah Pemeriksa Undi yang terdiri daripada lima orang hendaklah dipilih secara angkat tangan di dalam Mesyuarat Agung Tritahunan. Mereka hendaklah terdiri daripada ahli-ahli biasa dan bukan seorang pegawai atau calon bagi pemilihan pegawai-pegawai kesatuan. Sebolehnya ahli-ahli yang dipilih ini hendaklah ahli-ahli yang tinggal di sekitar kawasan pejabat kesatuan.
- (2) Jemaah Pemeriksa Undi ini akan berkhidmat dari suatu Mesyuarat Agung Tritahunan ke Mesyuarat Agung Tritahunan yang berikut. Apabila berlaku apa-apa kekosongan di antara dua Mesyuarat Agung, kekosongan ini hendaklah diisikan dengan cara lantikan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan.
- (3) Sekurang-kurangnya tiga orang Pemeriksa Undi hendaklah hadir apabila pembuangan undi dijalankan. Mereka hendaklah memastikan bahawa aturcara yang tertera di dalam kembaran kepada peraturan-peraturan ini dipatuhi dengan sepenuhnya.
- (4) Satu penyata mengenai keputusan muktamad undi yang ditandatangani oleh Pemeriksa-pemeriksa Undi yang hadir hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Cawangan dengan menggunakan borang yang ditentukan menurut peraturan-peraturan Kesatuan Sekerja 1959. Setiausaha Cawangan hendaklah mengemukakan Penyata Undi kepada Setiausaha Agung dengan segera untuk Tindakan Jemaah Pemeriksa Undi di Ibu Pejabat.

Peraturan 37. Wang dan Kira-Kira Cawangan.

- (1) Semua wang yang terkumpul di Ibu Pejabat dan di cawangan-cawangan Kesatuan adalah menjadi kepunyaan Kesatuan seluruhnya.
- (2) Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah menetapkan dari semasa ke semasa perbelanjaan yang akan dibuat oleh cawangan dan jumlah wang yang boleh disimpan di cawangan sebagai tabung cawangan itu.

- (3) Bendahari cawangan hendaklah menyampaikan kepada Setiausaha Agung sebelum tiap-tiap 14 haribulan apa-apa sumbangan yang diterima setelah ditolak perbelanjaan yang dibenarkan dan potongan yang telah diluluskan untuk tabungan cawangan. Bendahari cawangan hendaklah menyampaikan kepada Setiausaha Agung sebelum hari yang ke 14 pada tiap-tiap bulan suatu penyata pendapatan dan perbelanjaan cawangannya bagi bulan yang lalu.
 - (4) Wang yang disimpan oleh cawangan hendaklah dimasukkan ke dalam bank (jika berkaitan) yang dipersetujui oleh Majlis Jawatankuasa Agung atas nama cawangan berkenaan dan kira-kira bank itu hendaklah diuruskan bersama-sama oleh Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari cawangan.
 - (5) Bendahari Cawangan dibenarkan menyimpan RM500.00 pada sesuatu masa. Bendahari Cawangan hendaklah memasukkan semua wang kesatuan selain daripada wang runcit yang dibenarkan dia menyimpan dalam bank yang telah dipersetujui oleh Majlis Jawatankuasa Agung dalam tempoh tujuh hari dari tarikh wang itu diterima.
- (508/4/2011(1)-(3) 21.4.2011)
- (6) Pegawai-pegawai lain atau kakitangan kesatuan di cawangan itu tidak boleh menerima wang atau mengeluarkan resit rasmi melainkan dengan kebenaran bersurat daripada Pengerusi Cawangan pada tiap-tiap kali mereka itu dikehendaki berbuat demikian.

Peraturan 38. Juruaudit Dalam Cawangan.

- (1) Dua orang Juruaudit Dalam, yang bukan menjadi ahli Jawatankuasa Cawangan, hendaklah dipilih secara angkat tangan oleh Mesyuarat Agung Tritahunan. Mereka itu hendaklah memeriksa kira-kira kesatuan pada penghujung tiap-tiap tiga bulan dan menyampaikan penyatanya kepada Jawatankuasa Cawangan.
- (2) Buku-buku dan kira-kira kesatuan hendaklah diaudit oleh kedua-dua Juruaudit itu bersama-sama dan mereka itu berhak melihat semua buku-buku dan surat-surat keterangan yang perlu untuk menyempurnakan tugas mereka.
- (3) Seseorang ahli kesatuan bolehlah mengadu dengan bersurat kepada Juruaudit Dalam mengenai sebarang hal kewangan yang tidak betul, yang telah sampai kepada pengetahuannya.
- (4) Apabila berlaku apa-apa kekosongan Juruaudit Dalam di antara dua Mesyuarat Agung, kekosongan ini bolehlah diisikan dengan cara lantikan oleh Jawatankuasa Cawangan sehingga Mesyuarat Agung berikut.

KEMBARAN

ATURCARA MENJALANKAN UNDI SULIT

- 1) Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah menetapkan tempoh bagi perjalanan undi sulit yang melibatkan semua ahli. Jawatankuasa Cawangan pula hendaklah menetapkan tempoh bagi perjalanan undi sulit cawangan yang melibatkan ahli-ahli cawangan sahaja. Bagi undi sulit Kesatuan, Setiausaha Agung hendaklah memberitahu semua Setiausaha Cawangan perkara yang perlu dibuat dan menghantarkan kepada mereka itu dalam tempoh yang berpatutan bilangan kertas-kertas undi yang dikehendaki dan kertas-kertas undi ini hendaklah disediakan menurut Contoh A atau Contoh C. Bagi undi sulit Cawangan pula, Setiausaha cawangan masing-masing hendaklah menyediakan sejumlah kertas-kertas undi yang dikehendaki menurut borang-borang di Contoh B atau Contoh C. Mengenai kertas undi di Contoh C, isu-isu yang berlainan tujuannya hendaklah ditentukan dengan pangkahan undi sulit secara berasingan.
- (2) Jawatankuasa cawangan hendaklah menetapkan tarikh, masa dan tempat mengundi dan hendaklah memastikan semua ahli berhak diberikan hak dan peluang yang sama supaya ahli-ahli cawangan dapat membuang undi mereka dengan bebas.
- (3) Setiausaha cawangan hendaklah memberi kepada tiap-tiap ahli yang berhak kertas undi yang bercap mohor Kesatuan atau yang ditandatangani oleh Setiausaha Agung atau Setiausaha Cawangan, bersama-sama dengan sampul surat yang beralamat kepada Setiausaha Cawangan itu. Setiausaha Cawangan hendaklah mengedarkan kertas undi kepada ahli-ahli melalui pos atau dengan unjuk tangan. Sekiranya kertas undi diberikan dengan unjuk tangan, tandatangan sipenerima secara bersendirian hendaklah diperolehi sebagai bukti penerimaannya. Perkataan 'Kertas Undi' dan 'Nombor Ahli' hendaklah ditulis di atas sampul surat kertas undi itu. Kertas undi dan sampul surat itu hendaklah disampaikan kepada semua ahli berhak dalam suatu masa yang membolehkan ahli-ahli itu menghantar kembali kertas undi itu kepada Setiausaha Cawangan di dalam masa yang ditetapkan bagi urusan pengundian.
- (4) Ahli-ahli berhak bebas memilih sama ada hendak mengundi dengan pos atau secara peribadi. Sekiranya seseorang ahli itu memilih hendak mengundi dengan pos, ia hendaklah mengembalikan kertas undi itu, setelah ditandanya kepada Setiausaha Cawangan menurut aturcara yang ditentukan di dalam peraturan-peraturan ini. Sekiranya seseorang ahli memilih untuk mengundi secara peribadi maka ia hendaklah membuang undi di tempat yang ditetapkan pada masa mesyuarat agung menurut aturcara yang tertera di bawah ini. Jika Jawatankuasa Cawangan memutuskan bahawa mesyuarat agung tidak wajar diadakan, maka seseorang ahli itu tidak boleh mengundi secara peribadi.

- (5) Seseorang ahli yang berhak mengundi itu hadir di tempat mengundi dan menyatakan dengan bersurat bahawa ia belum lagi menerima kertas undi, melalui pos, ia hendaklah diberi oleh Setiausaha Cawangan satu kertas undi yang bercap nama cawangan atau yang ditandatangani oleh Setiausaha Cawangan berserta dengan suatu sampul surat yang bertanda 'Kertas Undi' dan nombor ahli itu bertulis di atasnya. Mana-mana ahli yang tidak membuat aduan kerana tidak menerima kertas undi sebelum Mesyuarat Agung tidak boleh membuat aduan mengenai hal demikian pada hari mesyuarat.
- (6) Pembuangan undi hendaklah dilaksanakan di bawah pengawasan Pemeriksa-Pemeriksa Undi cawangan yang dipilih menurut Peraturan 36. Sekurang-kurangnya tiga orang pemeriksa undi hendaklah hadir sepanjang masa pembuangan undi itu dijalankan. Sebelum urusan undi dijalankan Setiausaha Cawangan hendaklah meminta Pemeriksa-Pemeriksa Undi menentukan yang peti undi itu kosong dan setelah itu hendaklah mengunci, memeterikannya dan kemudian menyimpan kunci-kunci itu dalam jagaan mereka.
- (7) Sebelum undi sulit itu dijalankan pemeriksa-pemeriksa undi hendaklah diberi satu senarai nama-nama ahli yang diberikan kertas undi (dengan tangan atau melalui pos) dan mereka hendaklah menentukan dengan menyemak senarai itu dalam Daftar Ahli/Yuran, bahawa:
 - (a) hanya ahli-ahli yang berhak sahaja yang diberi peluang mengundi;
 - (b) tiap-tiap ahli hanya mengundi sekali sahaja bagi sesuatu perkara;
 - (c) ahli yang telah mengundi dengan pos ini tidak diberi kertas undi menurut perenggan di atas;
 - (d) ahli-ahli boleh mengundi mengikut kehendak mereka dan undi mereka tidaklah diketahui oleh orang lain.
- (8) Apabila tiba masa untuk mengundi, tiap-tiap ahli yang telah diberi kertas undi hendaklah masuk seorang demi seorang ke dalam bilik atau di bahagian dewan di mana peti undi itu ditempatkan. Mereka hendaklah menurunkan undinya dengan menulis satu pangkah atau beberapa pangkah di mana berkenaan di atas kertas undi. Tanda-tanda lain tidak boleh ditulis. Selepas itu lipatkan kertas undi itu sekurang-kurangnya sekali, masukkan ke dalam sampul surat yang diberi oleh kesatuan dan kemudiannya masukkan ke dalam peti undi yang telah disediakan untuknya, setelah itu tinggalkan tempat itu dengan segera.
- (9) Ahli-ahli yang mengundi dengan pos hendaklah menanda kertas undinya demikian juga dan sesudah itu hendaklah melipatkan kertas undi itu sekurang-kurangnya sekali, memasukkannya ke dalam sampul surat yang telah disediakan untuknya dan menghantarnya kepada Setiausaha Cawangan supaya sampai kepadanya sebelum

tarikh yang ditetapkan untuk mengundi. Setiausaha Cawangan hendaklah menyimpan semua kertas undi yang diterima melalui pos itu tanpa dibuka di suatu tempat yang selamat sehingga hari yang ditetapkan mengundi, Setiausaha Cawangan hendaklah menyerahkan kepada Pemeriksa-pemeriksa Undi dan kemudiannya mereka hendaklah memasukkannya ke dalam peti undi.

- (10) Pemeriksa-pemeriksa Undi hendaklah mengisytiharkan pembuangan undi tutup setelah semua ahli yang berhak membuang undi. Pemeriksa-pemeriksa Undi hendaklah membuka peti undi dan mengira sampul surat yang mengandungi kertas undi itu di hadapan sekurang-kurangnya tiga orang Pegawai Cawangan. Pada permulaannya mereka hendaklah menyemak nombor Ahli Kesatuan di atas sampul surat itu dengan senarai ahli yang diberi oleh Setiausaha Cawangan. Sambil sampul surat itu disemak maka Nombor Ahli itu hendaklah dipotong hingga tidak dapat dibaca semula dan sampul-sampul surat itu dimasukkan dengan tidak dibuka ke dalam satu peti yang berkunci. Setelah semua sampul-sampul surat itu disemak maka Pemeriksa-pemeriksa Undi hendaklah mengeluarkan sampul-sampul surat itu semula dari peti berkunci itu, membuka sampul-sampul surat itu dan masukkan kertas undi yang masih terlipat itu ke dalam peti undi. Setelah itu mereka akan mula mengira undi itu. Jika pada pendapat seseorang Pemeriksa Undi ada undi yang tidak sah maka undi berkenaan hendaklah dianggap "rosak" dan ditolak.
- (11) Setelah kesemua undi itu dikira maka Pemeriksa-pemeriksa Undi yang hadir hendaklah menyediakan satu penyata dalam dua salinan akan keputusan pengundian. Ia hendaklah menyerahkan salinan keputusan itu kepada Setiausaha Cawangan sesudah ditandatangani oleh mereka. Penyata itu hendaklah pula ditandatangani oleh Pengerusi atau Setiausaha Cawangan. Pengerusi atau Setiausaha Cawangan hendaklah memberitahu keputusan pengundian kepada ahli yang hadir. Setiausaha Cawangan hendaklah mengemukakan satu salinan penyata keputusan tersebut kepada Setiausaha Agung. Salinan yang satu lagi itu hendaklah disimpan oleh Setiausaha Cawangan selama sekurang-kurangnya enam bulan.
- (12) Apabila penyata-penyata keputusan undi telah diterima daripada semua cawangan oleh Setiausaha Agung maka Setiausaha Agung hendaklah meminta tiga orang Pemeriksa Undi yang telah dilantik oleh Persidangan Perwakilan Tritahunan untuk memeriksa penyata-penyata itu dan menyediakan pula dua salinan penyata keputusan undi yang muktamad. Penyata undi sulit terakhir itu hendaklah ditandatangani oleh Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung. Satu salinan penyata itu hendaklah disampaikan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja dan yang satu lagi itu di disimpan oleh Setiausaha Agung selama sekurang-kurangnya enam bulan. Satu salinan penyata itu yang diakui betul oleh Setiausaha Agung dihantarkan kepada tiap-tiap Setiausaha Cawangan dan mereka itu hendaklah menyimpannya selama sekurang-kurangnya enam bulan dan ditunjukkan kepada ahli-ahli yang ingin melihatnya.
- (13) Setiausaha Cawangan hendaklah memaklumkan kepada ahli-ahli cawangannya akan keputusan undi itu dengan apa cara yang difikirkannya munasabah.

- (14) Kertas-kertas undi yang telah dikira, termasuk juga kertas-kertas itu undi yang ditolak, hendaklah dikemukakan oleh Setiausaha Cawangan kepada Setiausaha Agung. Setiausaha Agung akan menyimpan kertas-kertas itu dengan selamat selama sekurang-kurangnya enam bulan dari tarikh keputusan undi yang akhir disahkan supaya dapat diperiksa oleh Pegawai-pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja. Di akhir masa enam bulan, kertas-kertas undi itu bolehlah dimusnahkan oleh atau di bawah kelolaan Presiden dan Setiausaha Agung.

CONTOH A

Nama Kesatuan : Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB)
No. Pendaftaran Kesatuan : 425
Alamat Cawangan :

KERTAS UNDI BAGI PEMILIHAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Cara Mengundi:

1. Tuan berhak menanda satu undi bagi tiap-tiap seorang Presiden, Timbalan Presiden, tiga undi bagi Naib Presiden, satu undi bagi Setiausaha Agung, tiga undi bagi Penolong Setiausaha Agung, satu undi bagi Bendahari Agung dan dua undi bagi Penolong Bendahari Agung.
2. Tuliskan undi tuan dengan SULIT dengan mencatatkan tanda pangkah seperti ini 'X' di dalam ruangan yang disediakan bertentangan dengan nama calon yang tuan suka mengundi. Janganlah dituliskan lain dari tanda 'X' dalam kertas undi ini dan janganlah mengundi lebih daripada angka yang telah ditetapkan dan jika dibuat demikian kertas undi ini akan ditolak sebagai rosak dan tidak akan dikira.
3. Sesudah menulis tanda undi itu (a) lipatkanlah kertas ini sekurang-kurangnya sekali, (b) masukkan ke dalam sampul surat yang disediakan oleh kesatuan dan (c) masukkan ke dalam peti undi yang disediakan untuk keperluan itu di dalam bilik mengundi. Jika tuan mengundi dengan pos, lipatkanlah kertas ini sekurang-kurangnya sekali, masukkan ke dalam sampul surat yang telah disediakan dan hantarkan kepada Setiausaha Cawangan supaya sampai kepadanya tidak lewat dari.....

PRESIDEN

No	Nama Calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		

dst

TIMBALAN PRESIDEN

No	Nama Calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		

dst

NAIB PRESIDEN I, II DAN III

No	Nama Calon	Undi tiga sahaja
1.		
2.		

dst

SETIAUSAHA AGUNG

No	Nama Calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		

dst

PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG I, II DAN III

No	Nama Calon	Undi tiga sahaja
1.		
2.		

dst

BENDAHARI AGUNG

No	Nama Calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		

dst

PENOLONG BENDAHARI AGUNG I DAN II

No	Nama Calon	Undi dua sahaja
1.		
2.		

dst

Cap Nama Kesatuan
atau
Tandatangan Setiausaha Agung

CONTOH B

Nama Kesatuan : Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat

No. Pendaftaran Kesatuan : 425

Nama Cawangan : _____

Alamat Cawangan : _____

KERTAS UNDI BAGI PEMILIHAN PEGAWAI-PEGAWAI CAWANGAN DAN WAKIL-WAKIL

Cara Mengundi:

1. Tuan berhak menanda satu undi bagi tiap-tiap seorang Pengerusi Cawangan, seorang Setiausaha Cawangan, seorang Bendahari Cawangan, 10 undi bagi ahli Jawatankuasa Cawangan dan.....undi bagi wakil-wakil Cawangan.
2. Tuliskan undi dengan SULIT dengan mencatatkan tanda pangkah seperti ini 'X' di dalam ruangan yang disediakan bertentangan dengan nama calon yang tuan ingin mengundi. Janganlah dituliskan lain tanda 'X' dalam kertas undi ini dan janganlah mengundi lebih daripada angka yang telah ditetapkan dan jika dibuat demikian kertas undi ini akan ditolak sebagai rosak dan tidak akan dikira.
3. Sesudah menulis tanda undi (a) lipatkanlah kertas ini sekurang-kurangnya sekali, (b) masukkan ke dalam sampul surat yang disediakan oleh kesatuan dan (c) masukkan ke dalam peti undi yang disediakan untuk keperluan itu di dalam bilik mengundi. Jika tuan mengundi dengan pos, lipatkanlah kertas ini sekurang-kurangnya sekali, masukkan ke dalam sampul surat yang telah disediakan dan hantarkan kepada Setiausaha Cawangan supaya sampai kepadanya tidak lewat dari.....

PENGERUSI CAWANGAN

No	Nama Calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		

dst

NAIB PENERUSI CAWANGAN

No	Nama Calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		

dst

SETIAUSAHA CAWANGAN

No	Nama Calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		

dst

PENOLONG SETIAUSAHA CAWANGAN

No	Nama Calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		

dst

BENDAHARI CAWANGAN

No	Nama Calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		

dst

AHLI JAWATANKUASA CAWANGAN (10 ORANG)

No	Nama Calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		
3.		
4.		

dst

WAKIL CAWANGAN

No	Nama Calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		

dst

Cap Nama Kesatuan
atau
Tandatangan Setiausaha Cawangan

CONTOH C

Nama Kesatuan : Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat

No. Pendaftaran Kesatuan : 425

KERTAS UNDI

Cara Mengundi:

1. Tuan berhak mengundi sama ada MENYOKONG atau MEMBANGKANG usul yang berikut:-

(Tuliskan Usul itu di sini)

2. Tuliskan undi dengan SULIT dengan mencatatkan tanda pangkah seperti ini 'X' di dalam ruangan yang disediakan di bawah ini bertentangan dengan perkataan 'MENYOKONG' atau perkataan 'MEMBANGKANG' mengikut pilihan sendiri. Janganlah dituliskan lain dari tanda 'X' dalam kertas ini dan jika dibuat demikian kertas undi ini akan ditolak sebagai rosak dan tidak akan dikira.

3. Sesudah menulis tanda undi itu (a) lipatkanlah kertas ini sekurang-kurangnya sekali, (b) masukkan ke dalam sampul surat yang disediakan oleh kesatuan dan (c) masukkan ke dalam peti undi yang disediakan untuk keperluan itu di dalam bilik mengundi. Jika tuan mengundi dengan pos, lipatkanlah kertas ini sekurang-kurangnya sekali, masukkan ke dalam sampul surat yang telah disediakan dan hantarkan kepada Setiausaha Cawangan supaya sampai kepadanya tidak lewat dari.....

Undi di sini

USUL 1

MENYOKONG	
MEMBANGKANG	

USUL 2

MENYOKONG	
MEMBANGKANG	

Cap Nama Cawangan/Kesatuan
atau
Tandatangan Setiausaha Agung/Cawangan

**PERATURAN-PERATURAN
TAMBAHAN TABUNG KEBAJIKAN
KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT**

PERATURAN TAMBAHAN TABUNG KEBAJIKAN KESATUAN GURU-GURU
MELAYU MALAYSIA BARAT (KGMMB)

Peraturan	Tajuk	Muka Surat
1.	Nama	48
2	Tujuan	48
3.	Ahli	48
4.	Kewangan	49
5.	Pentadbiran	49
6.	Simpanan Bank	49
7.	Rekod-Rekod	49
8.	Kelayakan Mendapat Faedah	50
9.	Pembayaran Faedah Kematian Ahli	50
10.	Pembayaran Faedah Bersara Ahli-Ahli	50
11.	Pembayaran Faedah Sakit	51
12.	Pemberian Dermasiswa	52
13.	Pembayaran Faedah Bencana Alam	52
14.	Pembayaran Faedah Ahli yang mengerjakan Umrah atau Haji	52
15.	Faedah Berkahwin Kali Pertama	53
16.	Faedah Mendapat Anak Kali Pertama	53
17.	Audit	53
18.	Perkara-perkara Yang Tidak Dinyatakan Dalam Peraturan Tambahan	53
19.	Perbelanjaan Pentadbiran	53
20.	Penambahan Dan Pindaan Peraturan Tambahan	54
21.	Pembubaran	54

PERATURAN TAMBAHAN TABUNG KEBAJIKAN
KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT (KGMMB)

1. NAMA

Tabung ini hendaklah dinamakan Tabung Kebajikan Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB). Tabung kebajikan ini hendaklah disebut selepas ini sebagai "Tabung" dan Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat sebagai "Kesatuan" sahaja.

2. TUJUAN

Tabung ini ditubuhkan bagi tujuan-tujuan berikut:

- (i) Untuk membolehkan waris ahli yang sah mendapat bantuan apabila berlaku kematian ahli itu atau **ahli keluarga terdekat**.
(508/8/2024(1)-(5) 2/4/2024)
- (ii) Untuk memberikan faedah bersara kepada ahli-ahli.
- (iii) Untuk memberikan bantuan kepada ahli-ahli semasa ahli-ahli itu sakit, ditimpa malapetaka, bencana dan
- (iv) Untuk memberi bantuan dermasiswa kepada ahli dan anak-anak ahli.
- (v) Untuk memberi bantuan kepada ahli yang **mengerjakan umrah atau haji, berkahwin kali pertama atau mendapat anak kali pertama**.

(508/8/2024(1)-(5) 2/4/2024)

3. AHLI

- (i) Semua Ahli-ahli Kesatuan ini dengan sendirinya menjadi ahli Tabung ini.
- (ii) Seseorang yang memohon untuk berhenti menjadi ahli kesatuan dengan sendirinya berhenti dari menjadi ahli tabung ini. Seseorang ahli yang terhutang yurannya selama 3 bulan atau lebih tidak berhak menerima apa-apa faedah yang ditentukan dalam peraturan-peraturan ini.

(508/4/2011(1)-(3) 21.4.2011)

4. KEWANGAN

- (i) Tiap-tiap ahli dikenakan bayaran yuran kebajikan sebanyak **RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh sahaja)** sebulan menurut Peraturan 4(I). Peraturan-Peraturan Kesatuan. Pungutan ini hendaklah diuntukkan dan dipindahkan kepada Tabung ini tidak lewat dari hari yang ke empat belas pada bulan yang berikutnya.

(508/4/2011(1)-(3) 21.4.2011)

(508/6/2018(1) 3.9.2018)

- (ii) Semua wang yang dipungut untuk tabung ini hendaklah digunakan untuk aktiviti berikut :

(a) **Faedah Kebajikan 80%**

(b) Pengurusan 20%

(508/4/2011(1)-(3) 21.4.2011)

(508/8/2024(1)-(5) 2.4.2024)

- (iii) Bayaran faedah dan bantuan tersebut dalam Peraturan 4(2) di atas hendaklah dibuat mengikut kadar dan cara-cara sebagaimana yang ditentukan dalam Peraturan Tambahan ini.

- (iv) Jika tabung ini tidak digunakan sepenuhnya dalam sesuatu tahun kewangan, bakinya hendaklah dikekalkan di dalam tabung ini dan dikendalikan dalam satu akaun berasingan.

5. PENTADBIRAN

Tabung ini hendaklah ditadbirkan oleh Majlis Jawatankuasa Agung Kesatuan.

6. SIMPANAN BANK

Semua wang Tabung ini hendaklah disimpan di dalam Bank yang diluluskan oleh Majlis Jawatankuasa Agung atas nama Tabung Kebajikan, dan kira-kiranya hendaklah diselenggarakan bersama-sama oleh Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung Kesatuan.

7. REKOD-REKOD

- (i) Bendahari hendaklah menyediakan dan menyimpan buku kira-kira yang berasingan bagi Tabung ini.

- (ii) Buku-buku yang berikut hendaklah diselenggarakan oleh Bendahari Agung:-
 - (a) Sebuah Buku Tunai;
 - (b) Sebuah Daftar Penama;
 - (c) Sebuah Daftar Pemohon-Pemohon Faedah Kematian dan Bersara yang menunjukkan nama dan butir-butir pemohon;
 - (d) Sebuah Daftar Pemohon-Pemohon Dermasiswa dengan menunjukkan nama dan butir-butir berkenaan dengan pemohon-pemohon itu;
 - (e) Sebuah Daftar yang menunjukkan tarikh dan segala butir-butir berkenaan dengan dermasiswa yang diberikan kepada anak-anak ahli dan ahli;
 - (f) Buku-buku lain yang difikirkan perlu oleh Majlis Jawatankuasa Agung.
- (iii) Setiausaha Agung Kesatuan hendaklah menyelenggarakan segala surat menyurat berkenaan dengan Tabung ini.

8. KELAYAKAN MENDAPAT FAEDAH

Tertakluk kepada Peraturan 3(ii) dari Peraturan Tambahan ini faedah-faedah di bawah peraturan-peraturan ini tidaklah boleh dibayar kecuali ahli itu telah menjadi ahli Kesatuan ini dengan tidak putus-putus selama 3 bulan. Mana-mana ahli yang telah mendapat faedah bersara tidaklah layak menerima faedah kematian.

9. PEMBAYARAN FAEDAH KEMATIAN AHLI

- (i) Apabila mati seseorang ahli Kesatuan ini, penama atau waris ahli yang sah di sisi undang-undang akan dibayar faedah sebanyak **RM1,500.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Lima Ratus sahaja)**.

(508/4/2011(1)-(3) 21.4.2011)
 (508/6/2018(2) 3.9.2018)
- (ii) Permohonan untuk faedah kematian ini hendaklah dibuat dengan seberapa segera setelah berlaku kematian seseorang ahli itu dan pembayaran faedah hendaklah dibuat tidak lewat dari satu bulan setelah permohonan diterima.
- (iii) Tiap-tiap permohonan hendaklah disokong dengan sijil perakuan mati.

- (iv) Tambahan faedah kematian untuk suami/isteri ahli sebanyak RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu sahaja). Manakala faedah kematian untuk anak/ibu/bapa kandung ahli sebanyak RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus sahaja) tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh Majlis Jawatankuasa Agung.

(508/4/2011(1)-(3) 21.4.2011)

- (v) Tambahan faedah kematian untuk **ibu/bapa mertua** sebanyak **RM300.00** (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus sahaja) dan disertakan dokumen Sijil Nikah dan Sijil Kematian.

(508/8/2024(1)-(5) 2.4.2024)

10. PEMBAYARAN FAEDAH BERSARA AHLI-AHLI

- (i) Seseorang ahli Kesatuan yang berhenti kerja kerana telah mencapai umur bersara sebagaimana yang ditetapkan dalam syarat-syarat perkhidmatannya akan menerima pembayaran faedah bersara sebanyak **RM1,500.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Lima Ratus sahaja)**.

(508/4/2011(1)-(3) 21.4.2011)

(508/6/2018(2) 3.9.2018)

- (ii) Tiap-tiap permohonan hendaklah disokong dengan surat pengesahan mengenai persaraan ahli itu yang dikeluarkan oleh majikannya.

- (iii) Seseorang ahli yang telah menerima faedah bersara tidaklah layak menerima faedah kematian.

11. PEMBAYARAN FAEDAH KEPADA AHLI-AHLI SEMASA DIRAWAT DI WAD HOSPITAL

- (i) Seseorang ahli yang sakit dan tidak boleh bekerja oleh sebab kesakitannya atau kena kemalangan selama tidak kurang dari tiga hari dengan bayaran sebanyak **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh sahaja)** sehari selama 20 hari berturut-turut atau terkumpul dalam masa satu tahun. Bayaran maksimum sebanyak RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu sahaja).

(508/4/2011(1)-(3) 21.4.2011)

(508/8/2024(1)-(5) 2.4.2024)

- (ii) Tiap-tiap permohonan hendaklah disokong dengan dokumen pengesahan keluar masuk wad oleh hospital yang berkenaan.

12. PEMBERIAN DERMASISWA

- (i) Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah mengeluarkan dermasiswa pada tiap-tiap tahun kepada anak-anak ahli dan ahli yang layak. Bilangan dermasiswa yang dikeluarkan itu dan nilai tiap-tiap satu dermasiswa itu hendaklah ditetapkan oleh Majlis Jawatankuasa Agung menurut timbang bicaranya.
- (ii) Dermasiswa ini hendaklah dikeluarkan kepada penuntut-penuntut di peringkat **Sijil Kemahiran**, Diploma atau Ijazah termasuk maktab-maktab/universiti di dalam dan luar negeri, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- (iii) Majlis Jawatankuasa Agung hendaklah membentangkan satu laporan mengenai dermasiswa ini kepada Persidangan Perwakilan Tritahunan.
- (iv) Seseorang ahli berhak mendapat tiga kali faedah dermasiswa berdasarkan tiga peringkat tertinggi. Manakala seorang anak ahli berhak mendapat sekali permohonan sahaja. Faedah Dermasiswa sebanyak **RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus sahaja)**.

(508/6/2018(3) 3.9.2018)

(508/4/2011(1)-(3) 21.4.2011)

(508/6/2018(3) 3.9.2018)

13. PEMBAYARAN FAEDAH KEPADA AHLI-AHLI YANG DITIMPA BENCANA

Seseorang ahli yang ditimpa bencana alam seperti banjir, kebakaran, tanah runtuh dan berkaitan layak mendapat Faedah Bencana Alam sebanyak **RM200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus sahaja)**.

(508/8/2024(1)-(5) 2.4.2024)

14. FAEDAH AHLI YANG MENERJAKAN UMRAH ATAU HAJI

- (i) Seseorang ahli Kesatuan yang mengerjakan Umrah atau Haji layak mendapat faedah sebanyak **RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus sahaja)**.
- (ii) Tiap-tiap permohonan hendaklah disokong dengan surat pengesahan menunaikan ibadah tersebut. Faedah ini layak untuk sekali permohonan sahaja.

(508/8/2024(1)-(5) 2.4.2024)

15. FAEDAH AHLI YANG BERKAHWIN KALI PERTAMA

- (i) Seseorang ahli Kesatuan yang berkahwin kali pertama akan mendapat faedah sebanyak **RM200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus sahaja)**.
- (ii) Tiap-tiap permohonan hendaklah disokong dengan surat nikah. Faedah ini layak untuk sekali permohonan sahaja.

(508/8/2024(1)-(5) 2.4.2024)

16. PEMBAYARAN FAEDAH KEPADA AHLI-AHLI YANG MENDAPAT ANAK KALI PERTAMA

- (i) Sesorang ahli Kesatuan yang mendapat anak kali pertama akan mendapat faedah sebanyak **RM200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus sahaja)**.
- (ii) Tiap-tiap permohonan hendaklah disokong dengan surat beranak anak, surat nikah dan laporan perubatan mengandung. Faedah ini layak untuk sekali permohonan sahaja.

(508/8/2024(1)-(5) 2.4.2024)

17. AUDIT

Kira-kira tabung ini hendaklah diaudit dengan cara yang sama mengikut kehendak Peraturan 15 dan Peraturan 16 Undang-Undang Tubuh Kesatuan.

18. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN DALAM PERATURAN TAMBAHAN

Keputusan Majlis Jawatankuasa Agung adalah muktamad mengenai perkara-perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan tambahan ini melainkan jika dibatalkan oleh Persidangan Perwakilan.

19. PERBELANJAAN PENTADBIRAN

Kumpulan wang ini hanya boleh digunakan bagi membayar Faedah Kematian, Bersara, Sakit, Dermasiswa, **Bencana Alam, Mengerjakan Haji/Umrah, Berkahwin atau Mendapat Anak** mengikut syarat-syarat yang dinyatakan dalam peraturan tambahan ini dan perbelanjaan bagi pentadbiran serta pengurusan.

(508/8/2024(1)-(5) 2.4.2024)

20. PENAMBAHAN DAN PINDAAN PERATURAN TAMBAHAN

Penambahan atau pindaan kepada peraturan tambahan ini tidak boleh dibuat melainkan dengan mengikut peraturan 26 dari undang-undang tubuh Kesatuan dan segala tambahan atau pindaan itu tidak boleh dikuatkuasakan sehingga didaftarkan oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja.

21. PEMBUBARAN

Jika Majlis Jawatankuasa Agung berpendapat bahawa disebabkan oleh kedudukan Kewangan Tabung ini atau dengan lain-lain sebab Tabung ini tidak boleh lagi diteruskan, maka satu ketetapan bagi pembubarannya akan diambil dengan undi sulit oleh semua ahli yang berhak. Tabung ini tidak boleh dibubarkan dengan sukarela kecuali dengan persetujuan 75% daripada ahli-ahli yang berhak mengundi. Apabila Tabung ini dibubarkan, segala tanggungan dan hutangnya hendaklah diselesaikan dan bakinya, jika ada, hendaklah dipindahkan kepada Tabung Am Kesatuan.